Hujung Minggu
قليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanha, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Barang siapa yang mempunyai kelapangan (mampu) untuk berkorban tetapi dia tidak berkorban, maka janganlah dia datang mendekati tempat kami bersembahyang ini".
(Riwayat Ibnu Majah)

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.42 | SUBUH 4.52 | SYURUK 6.16 | DUHA 6.39 | ZUHUR 12.28 | ASAR 3.51 | MAGHRIB 6.38 | ISYAK 7.52
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 86 | 19 JULAI 2025 / 1447 محرم 23 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA




IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

# KEBAWAH DYMM AKAN BERANGKAT HADIRI MAJLIS PENUTUP ADVANCED COMMAND AND STAFF COURSE KE-28



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Penutup Kursus Asas Terjun Payung 1317 dan Pengurniaan Lencana Terjun Payung 'British Military Parachute Wings' bagi paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen yang berlangsung di Royal Air Force (RAF) Brize Norton, Oxfordshire, United Kingdom pada 23 September 2022.**

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Jabatan Penerangan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 16 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat menghadiri Majlis Penutup Advanced Command and Staff Course Ke-28 bagi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen di United Kingdom (UK) yang akan diadakan pada 18 Julai 2025 di Akademi Pertahanan UK, Shrivenham, Swindon, UK.

Advanced Command and Staff Course Ke-28 merujuk kepada jurusan tertentu Kursus Advanced Command and Staff yang ditawarkan oleh Akademi Pertahanan UK. Ia merupakan program pendidikan tentera profesional yang direka khas untuk melengkapkan pegawai kanan bagi menjawat jawatan penting dan kanan.

Kursus tersebut biasanya dihadiri oleh pegawai daripada pelbagai cabang Angkatan Tentera British serta pegawai tentera antarabangsa.

Sebelum ini, Duli Yang Teramat Mulia telah berjaya tamat Latihan Kursus Single Engine Rotary Wing Siri 191 pada 2018, Kursus All Arms Commando pada 2021, dan Kursus Asas Terjun Payung 1317 pada 2022.

# Sesi Dialog memperkukuh jaringan kerjasama strategik kerajaan, masyarakat

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**

**TUTONG**, Rabu, 16 Julai. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) memainkan peranan yang penting dalam memperkukuh kefahaman serta penghayatan Islam dalam kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan Wawasan Brunei 2035, KHEU terus berusaha memastikan perkhidmatan-perkhidmatan agama yang disampaikan adalah telus, relevan dan berkesan.

Bagi mencapai matlamat tersebut, KHEU meneruskan Sesi Dialog Bersama Pemimpin Akar Umbi dan Pihak Berkepentingan bagi Daerah Tutong yang diadakan di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong, di sini.

Sesi Dialog yang berlangsung hari ini merupakan wadah penting bagi bertukar pandangan, mengenal pasti cabaran serta merangka strategi penambahbaikan terhadap perkhidmatan agama.

>> Muka 3

## Berita Utama




MEMPERTINGKATKAN industri huluan minyak dan gas, memacu ekonomi negara
Muka 6



KUKUHKAN komitmen NBD ke arah ekonomi inklusif, rendah karbon
Muka 10



PAMERAN Vibe Ke-18 : Pamer hasil karya kreatif pelajar Kolej IGS
Muka 13



RENCANA

MENINJAU sejarah, meneroka kemudahan media, interaksi masyarakat
Muka 22

# Bina kemahiran baharu, jadi pemimpin masa depan berdaya tahan



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menguriniakan titah pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang Ke-79 Tahun pada Selasa, 19 Muharam 1447 Hijrah / 15 Julai 2025 Masihi di Istana Nurul Iman.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.**

**BETA** bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita dapat menyambut Hari Keputeraan beta yang Ke-79 dalam suasana harmoni dan aman.

Terlebih dahulu, beta dengan tulus ikhlas ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang telah menghantar perutusan ucap selamat kepada beta dan keluarga bersempena dengan sambutan ini.

Alhamdulillah, kita kini semakin rancak melaksanakan inisiatif-inisiatif berkeutamaan di bawah ketiga-tiga *blueprint* Wawasan Brunei 2035 iaitu *blueprint* Tenaga Manusia, Sosial dan Ekonomi yang mampu mendatangkan impak besar, khasnya dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk sentiasa terpelihara.

Beta menyedari bahawa dalam era baharu yang penuh mencabar, amatlah penting bagi kita meneliti dan menyesuaikan kaedah-kaedah serta pendekatan kerja yang selaras dengan perubahan landskap sosial dan keperluan semasa. Maka ke arah itu kerajaan beta telah melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap dasar dan undang-undang sedia ada.

Beta telah memperkenankan bagi Perintah kanun Tanah (Pindaan) 2025 untuk mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025 yang akan menambah baik dan memudahkan proses pemilikan tanah bagi rakyat dan beberapa kategori penduduk di Negara Brunei Darussalam termasuk mereka yang berstatus *stateless.*

Kerajaan beta juga sedang merangka 'Digital Brunei Transformation Plan' yang akan mengetengahkan potensi Artificial Intelligence (AI) dalam agenda transformasi negara berbagai sektor. Beta telah memperkenankan Perintah Perlindungan Data Peribadi (Personal Data Protection Order 2025) untuk berkuat kuasa pada 1 Januari 2026 dengan matlamat untuk mengelakkan risiko penyalahgunaan dan sebarang bentuk ancaman melalui saluran siber demi melindungi kepentingan rakyat dan penduduk di negara ini.

Dari sudut ekonomi, kerajaan beta juga telah memperluaskan pelaksanaan Perintah Pekerjaan (Upah Minimum) kepada tujuh industri tambahan bermula pada 1 April 2025. Ini termasuk sektor-sektor Perbankan dan Kewangan; Teknologi dan Info-Komunikasi (ICT); Sekuriti; Pelancongan dan Penginapan; Arkitek, Kejuruteraan Professional, Ukur Bahan dan Ukur Tanah; Perubatan dan Pergigian; dan Pendidikan Tinggi Swasta.

Sementara itu dalam peningkatan kemahiran pula akan terus diperkembangkan menerusi penawaran 16 kursus baharu di bawah Program SkillsPlus yang disesuaikan dengan keperluan industri dan pasaran semasa. Beta berharap para belia khususnya akan mengambil peluang ini untuk terus maju, membina kemahiran baharu dan menjadi pemimpin masa depan yang berdaya tahan.

Akhirnya, beta dengan tulus ikhlas merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh lapisan rakyat dan penduduk, warga Perkhidmatan Awam, pasukan-pasukan keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta, termasuk mereka yang bertugas di luar negara di atas sumbangan dan sokongan mereka kepada kerajaan beta.

Beta juga tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh Ahli Jawatankuasa Perayaan di Peringkat Kebangsaan dan Peringkat Daerah di atas segala usaha dan khidmat yang mereka hulurkan bagi menjayakan perayaan ini.

Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan terus melimpahkan rahmat-Nya ke atas seluruh lapisan rakyat yang amat beta kasihi dan semoga Negara Brunei Darussalam akan terus dikurniakan keberkatan serta kekal aman dan makmur di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## WAKTU SEMBAHYANG

| JULAI MASIHI | HARI | MUHARAM HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 19 | SABTU | 23 | 4.42 | 4.52 | 6.16 | 6.39 | 12.28 | 3.51 | 6.38 | 7.52 |
| 20 | AHAD | 24 | 4.43 | 4.53 | 6.16 | 6.39 | 12.28 | 3.51 | 6.38 | 7.52 |
| 21 | ISNIN | 25 | 4.43 | 4.53 | 6.16 | 6.40 | 12.28 | 3.51 | 6.38 | 7.52 |
| 22 | SELASA | 26 | 4.43 | 4.53 | 6.16 | 6.40 | 12.28 | 3.51 | 6.38 | 7.52 |
| 23 | RABU | 27 | 4.43 | 4.53 | 6.16 | 6.40 | 12.28 | 3.51 | 6.38 | 7.52 |
| 24 | KHAMIS | 28 | 4.44 | 4.54 | 6.16 | 6.40 | 12.28 | 3.51 | 6.37 | 7.51 |
| 25 | JUMAAT | 29 | 4.44 | 4.54 | 6.16 | 6.40 | 12.28 | 3.50 | 6.37 | 7.51 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 33 / 25 °C | 33 / 25 °C | 34 / 25 °C |
| Pekan Bangar | 33 / 25 °C | 32 / 25 °C | 34 / 25 °C |
| Pekan Tutong | 32 / 25 °C | 32 / 26 °C | 33 / 25 °C |
| Kuala Belait | 32 / 25 °C | 32 / 25 °C | 32 / 25 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

19 JULAI 2025

### Taat setia untuk raja dikasihi

**DENGAN** izin Allah Subhanahu Wata'ala jua dan di bawah payung kepimpinan raja kita, yang adil lagi bijaksana, pelbagai kecemerlangan dan kemajuan negara telah dapat dicapai dan berjaya dilakarkan satu persatu.

Sepanjang lebih lima dekad Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memerintah negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam secara terus-menerus menaikkan dan meningkatkan lagi kemajuan yang telah dirintis oleh paduka ayahanda baginda dalam usaha-usaha membangun dan memajukan negara dengan berteraskan nilai-nilai Islam yang tinggi sama ada dalam bidang sosiopolitik, sosioekonomi, keagamaan, kesihatan, pendidikan, hubungan antarabangsa dan seumpamanya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga merupakan seorang raja dan pemimpin yang berwawasan jauh. Impian baginda untuk pembangunan negara yang berterusan dan kesejahteraan rakyat yang sentiasa terjamin telah dizahirkan dalam Wawasan Brunei 2035.

Sepertimana yang ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa berkenan mengurniakan titah pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-79, "*Alhamdulillah, kita kini semakin rancak melaksanakan inisiatif-inisiatif berkeutamaan di bawah ketiga-tiga blueprint Wawasan Brunei 2035 iaitu blueprint Tenaga Manusia, Sosial dan Ekonomi yang mampu mendatangkan impak besar, khasnya dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk sentiasa terpelihara*".

Mentaati raja (Ulil Amri) itu adalah wajib, manakala menderhaka kepada raja pula hukumnya haram dan berdosa. Selaku rakyat dan penduduk di negara ini, sudah sepatutnya kita bersyukur kerana mempunyai seorang raja yang bijaksana, pengasih dan pemedulian. Kita zahirkan kesyukuran itu dengan menumpahkan kasih dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada baginda.

Taat setia kepada raja itu termasuklah juga mematuhi dan menerima segala arahan kerajaan selagi arahan yang diberikan itu tidak bertentangan dengan hukum syarak. Imam al-Bukhari dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada 'Abdullah bin Omar Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"*Mendengar dan taat (kepada ketua) adalah menjadi kewajipan ke atas orang-orang Islam dalam apa jua perkara pun sama ada yang disukainya dan yang tidak disukainya selagi ia tidak diperintahkan untuk membuat sesuatu maksiat, maka jika ia diperintahkan untuk membuat sesuatu maksiat, maka tidaklah boleh mendengar dan taat*".

Marilah kita sama-sama berdoa semoga raja kita kasihi akan terus-menerus memerintah negara ini dengan adil dan saksama di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Jadikanlah dan tanamkanlah dalam diri kita sebenar-benar hamba yang sentiasa taat kepada Allah dan Rasul-Nya dan kepada Ulil Amri, semoga dengan ketaatan itu kita akan selamat di dunia dan di akhirat. **- Ketua Penyuntingan (Ad)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتکن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# ZAHIR RASA KESYUKURAN SEMPENA ULANG TAHUN KEPUTERAAN KEBAWAH DYMM

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 16 Julai. - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat juga tidak ketinggalan mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun 2025 hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan di Surau, Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat di sini, Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Turut hadir, Jurutulis Majlis Mesyuarat Diraja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Hurairah serta Yang Berhormat Ahli-ahli MMN.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun, yang dipimpin oleh Pegawai Pemantau Zon 1 Daerah Brunei dan Muara, Awang Saufi bin Haji Suhaini.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Acara seumpama tersebut diadakan bagi menzahirkan rasa kesyukuran atas kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, serta memanjatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga baginda akan sentiasa dilimpahkan rahmat, dikurniakan kesihatan berpanjangan dan dilanjutkan usia serta kekal karar memerintah atas singgah sana.

Semoga Kebawah DYMM serta kerabat diraja sentiasa dikurniakan taufik, hidayah dan inayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala.



**TURUT hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli MMN.**



**YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran berkenaan.**

# Sesi Dialog memperkukuh jaringan kerjasama strategik kerajaan, masyarakat

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**




**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama berucap pada Sesi Dialog Bersama Pemimpin Akar Umbi dan Pihak Berkepentingan bagi Daerah Tutong.**

**>> Muka 1**

Inisiatif tersebut juga mencerminkan komitmen kementerian dalam mendukung agenda pembangunan negara melalui perkongsian pandangan antara pihak kerajaan dan masyarakat di negara ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, yang juga menyampaikan ucapan alu-aluan dan seterusnya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada yang hadir dalam Sesi Dialog hari ini.

Yang Berhormat dalam ucapannya menjelaskan bahawa pada sesi pertama Dialog KHEU Bersama Pemimpin Akar Umbi dan Pihak Berkepentingan baru-baru ini, Yang Berhormat telah mendengar dan mencatatnya dengan tanggapan yang baik dan pihak-pihak jabatan yang berkenaan di KHEU telah merespon dengan menjelaskan kedudukan perkara, terutama terhadap pertanyaan dan teguran mengenai pengurusan zakat dan hal ehwal masjid.

Yang Berhormat seterusnya menambah semoga penjelasan yang disampaikan dalam dialog siri pertama di Daerah Brunei dan Muara tersebut terutama dalam ehwal pengurusan zakat dapat diterima dan difahami dengan baik.

"Saya berharap *biskita* di sini, peserta-peserta dialog akan turut menyambut baik kenyataan pihak Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal (JUZWAB) untuk melibatkan kerjasama penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung dalam menyiasat kelayakan pemohon-pemohon agihan zakat dalam kalangan anak-anak kampung dan mukim masing-masing, iaitu kelayakan untuk mengenal pasti pemohon-pemohon itu benar-benar tergolong sebagai fakir miskin yang layak dan berhak menerima agihan zakat," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai pengintegrasian yang dibangkitkan dalam Sesi Dialog pertama dengan penjelasan yang diberikan memang telah jelas bahawa pelaksanaannya akan terus dipantau oleh KHEU dan Kementerian Pendidikan.

Seterusnya, taklimat dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, yang menyampaikan taklimat mengenai Perkhidmatan-perkhidmatan Agama di bawah KHEU. Pada penghujung Sesi Dialog, turut diadakan sesi soal jawab.

Hadir sama, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim serta ketua-ketua jabatan dan pegawai kanan di bawah KHEU.

Juga hadir pada Sesi Dialog tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; para penghulu mukim dan ketua kampung; pegawai-pegawai daripada pelbagai agensi kerajaan dan sektor swasta di Daerah Tutong yang terlibat dalam pembangunan komuniti, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid serta pemimpin-pemimpin belia dan wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang aktif dalam bidang sosial, dakwah dan pembangunan masyarakat di daerah berkenaan.

Melalui Sesi Dialog yang diungkayakhan tersebut, KHEU berharap ia dapat memperkukuh jaringan kerjasama strategik antara kerajaan dan masyarakat, memperkemas penyelarasan dasar serta meningkatkan keberkesanan perkhidmatan agama di peringkat akar umbi.

Sebagai kesinambungan kepada sesi hari ini, Sesi Dialog akan diteruskan ke Daerah Temburong pada Selasa, 22 Julai 2025, bertempat di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Temburong. Manakala bagi Daerah Belait, Sesi Dialog akan diadakan pada Sabtu, 26 Julai 2025, bertempat di Dewan Persidangan, Kuala Belait.

Terdahulu, Sesi Dialog telah diadakan di Bandar Seri Begawan bertempat di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Sesi-sesi Dialog tersebut diharap akan menjadi wadah yang berkesan dalam memperkukuh komunikasi dua hala antara kerajaan dan masyarakat serta mendukung pembangunan agama secara menyeluruh, progresif dan mampan di NBD.



**ANTARA yang menghadiri Sesi Dialog Bersama Pemimpin Akar Umbi dan Pihak Berkepentingan bagi Daerah Tutong.**

Pelita Brunei

# JPM ADAKAN MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA HARI KEPUTERAAN





**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu khas bersama pada Majlis Doa Kesyukuran, Sembahyang Sunat Hajat dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah (kiri sekali dan kiri).**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 17 Julai. - Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran, Sembahyang Sunat Hajat dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diadakan di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Bangunan JPM.

Hadir selaku tetamu khas bersama, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir, Ketua Hakim Syarie; Timbalan Menteri di JPM, Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai dan kakitangan JPM serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis yang dikendalikan oleh Pejabat Wawasan Brunei dengan kerjasama Institut Perkhidmatan Awam dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan bacaan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat Izzudin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Majlis kemudian diakhiri dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

# Penganugerahan Pingat Kebesaran Order of the Rising Sun





**TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam (NBD) menyempurnakan penyampaian anugerah tersebut kepada mantan Duta NBD ke Jepun, Pengiran Dato Paduka Haji Idris bin Pengiran Temenggong Pengiran Haji Mohammad (kanan dan kiri).**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 18 Julai. - Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam (NBD) petang tadi mengadakan Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Order of the Rising Sun, Gold and Silver Star kepada mantan Duta NBD ke Jepun, Pengiran Dato Paduka Haji Idris bin Pengiran Temenggong Pengiran Haji Mohammad di kediaman Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD.

Order of the Rising Sun telah diperkenalkan pada tahun 1875 sebagai anugerah kehormatan pertama Jepun dan merupakan anugerah berprestij yang diberikan kepada individu dari Jepun dan luar negara yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam pelbagai bidang kemasyarakatan.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian anugerah tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka.

Semasa majlis tersebut, Tuan Yang Terutama menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pengiran Dato Paduka Haji Idris atas sumbangan beliau dalam mempererat hubungan serta pertukaran dua hala antara Jepun dan NBD.

Pengiran Dato Paduka Haji Idris merupakan Duta Besar NBD ke Jepun yang paling lama berkhidmat, iaitu dari tahun 1987 hingga 1996.

Sepanjang tempoh sembilan tahun beliau berkhidmat sebagai Duta Besar NBD ke Jepun, beliau telah memberikan sumbangan besar dalam memperkukuh hubungan erat antara kedua-dua negara.

Beliau memainkan peranan penting dalam mengatur lawatan peringkat tertinggi termasuk lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Jepun pada tahun 1989 bagi Istiadat Pengebumian Maharaja Showa dan pada tahun 1990 bagi Istiadat Pertabalan Maharaja Akihito (kini Maharaja Emeritus), yang telah membantu mengukuhkan hubungan jangka panjang antara Kerabat Diraja Brunei dan Kerabat Maharaja Jepun.

Pengiran Dato Paduka Haji Idris turut memberi sumbangan besar dalam usaha pelancaran penerbangan tetap Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) ke Jepun.

Beliau bekerjasama rapat dengan kedua-dua kerajaan dalam memuktamadkan perjanjian antara Jepun dan NBD bagi Perkhidmatan Udara.

Perjanjian tersebut telah dimeterai pada tahun 1993 dan RB mula mengendalikan penerbangan tetap ke Jepun, yang seterusnya mempertingkatkan hubungan dan pertukaran rakyat antara kedua-dua negara.




# DOA KESYUKURAN MERAIKAN KEPULANGAN 3 PEGAWAI ABDB



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II menyampaikan sijil dan cenderahati kepada kontinjen IDB VMAT.



YANG Berhormat Menteri JPM dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena meraikan kepulangan kontinjen berkenaan diadakan di Surau Ad-Difa' Bolkiah Garison.

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**BOLKIAH GARISON,** Jumaat, 18 Julai. - Tiga Pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) selamat kembali ke tanah air pada 11 Julai 2025 lalu setelah selesai penugasan mereka sebagai Ahli Independent Decommissioning Body, Verification, Monitoring and Assistance Team (IDB VMAT) 6 / 2024 di Mindanao, Republik Filipina.

Kontinjen berkenaan diketuai oleh Leftenan Kolonel (U) Mohammad Khairul bin Pehin Datu Indera Setia Dato Paduka Seri Haji Sulaiman bersama dua pegawai iaitu Mejar Zulhilmi bin Tom dan Kapten Abdul Khair Hazimin bin Abdul Sufriyan.

Sehubungan itu, Majlis Doa Kesyukuran sempena meraikan kepulangan kontinjen berkenaan diadakan di Surau Ad-Difa' Bolkiah Garison, hari ini.

Hadir pada majlis berkenaan dan menyempurnakan penyampaian Sijil Penghargaan kepada ahli-ahli kontinjen ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio; Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan dan ABDB, Pemangku Pengarah Asia / Timur Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Atase Pertahanan dan Angkatan Tentera Republik Filipina ke NBD, pegawai-pegawai dan anggota-anggota Kementerian Pertahanan serta keluarga kontinjen IDB VMAT 6 / 2024 yang diraikan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah, Surah Al-Mulk dan Asmaul Husna, diikuti dengan tazkirah bertajuk 'Keamanan Nikmat yang Agung' yang disampaikan oleh Pegawai Turus Gerakan Agama dari Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Mejar Narulismandy@Anwar Hadi bin Haji Samaih.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil dan cenderahati kepada kontinjen IDB VMAT yang diiringi dengan laungan Dikir Marhaban.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan Sembahyang Sunat Hajat dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, diikuti dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan oleh Pemangku Pengarah JAMA'AT, Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar dan seterusnya sesi bergambar ramai.

Sesi perjumpaan juga diadakan bersama ketua kontinjen dan mantan-mantan Ketua Kontinjen IDB VMAT terdahulu, yang berkongsi pengalaman dan pandangan mereka semasa melaksanakan misi pengaman masing-masing.

Sejak penubuhan IDB VMAT pada tahun 2019, NBD telah menghantar seramai 24 pegawai ABDB untuk menyertai proses perdamaian sebagai usaha menyumbang secara langsung ke arah keamanan dan kestabilan di Mindanao, Republik Filipina.

Penyertaan ini jelas mencerminkan berterusan komitmen NBD dalam memelihara keamanan dan keselamatan serantau dan antarabangsa, selaras dengan aspirasi yang digariskan dalam Kertas Putih Pertahanan 2021.





YANG Berhormat Menteri JPM dan Menteri Pertahanan II semasa menyaksikan buku pada majlis berkenaan (kiri), manakala gambar kanan, tazkirah disampaikan oleh Pegawai Turus Gerakan Agama dari Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Mejar Narulismandy@ Anwar Hadi bin Haji Samaih.

# Penglibatan dalam IDB VMAT tingkatkan reputasi kerjasama keselamatan serantau

**BOLKIAH GARISON,** Jumaat, 18 Julai. - Kerjasama dan sokongan yang diberikan oleh Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada Republik Filipina memainkan peranan besar dalam memperdalam hubungan antara kedua-dua negara bukan sahaja antara rakyat tetapi juga antara kedua-dua kerajaan, di samping mengukuhkan lagi keamanan dan keselamatan di rantau ini.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke NBD, Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio menyatakan, asas kepada mana-mana perkongsian yang kukuh adalah hubungan dua hala yang erat dan berterusan.

Dalam konteks ini, penglibatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dalam misi pengaman di Filipina telah memberikan sumbangan yang amat cemerlang. Kejayaan mereka banyak disumbangkan oleh tahap profesionalisme dan disiplin tinggi yang ditunjukkan sepanjang pelaksanaan misi.

Puan Yang Terutama Marian Jocelyn mengongsikan perkara tersebut dalam temu bual bersama pihak media semasa Majlis Doa Kesyukuran sempena meraikan kepulangan kontinjen ABDB yang selesai melaksanakan penugasan sebagai Ahli Independent Decommissioning Body, Verification, Monitoring and Assistance Team (IDB VMAT) 6 / 2024 di Mindanao, Republik Filipina, berlangsung di Bolkiah Garison, hari ini.



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio.

Menurut PYT lagi, ketelusan dan keberkesanan ABDB di lapangan telah membina kepercayaan dalam kalangan masyarakat setempat serta pihak-pihak berkepentingan. Di samping itu, latihan berkualiti tinggi yang diterima oleh anggota ABDB serta pengalaman mereka dalam misi pengaman jelas terbukti melalui kebolehan mengurus situasi yang sensitif dan kompleks.

"Misi pengaman bukan sahaja memerlukan kemahiran ketenteraan tetapi juga kebijaksanaan diplomatik, ketelusan dan kawalan diri yang tinggi. Sifat-sifat ini telah membantu memperkukuhkan kepercayaan bersama serta menyumbang kepada keamanan yang lebih mampan.

"Kami amat menghargai peranan ABDB dalam menyokong proses damai di Filipina, yang telah membuahkan kejayaan nyata. Sumbangan ini bukan sahaja memperkukuhkan hubungan dua hala antara Filipina dan Brunei, malah turut menyumbang kepada keamanan dan kestabilan di rantau ini," ujar PYT.



ATASE Pertahanan dan Angkatan Tentera Republik Filipina ke NBD, Kolonel Garry L Atienza PAF dan Leftenan Kolonel (U) Mohammad Khairul bin Pehin Datu Indera Setia Dato Paduka Seri Haji Sulaiman (kiri dan kanan).

Atase Pertahanan dan Angkatan Tentera Republik Filipina ke NBD,Kolonel Garry L Atienza PAF pula menjelaskan, penglibatan ABDB dalam IDB serta misi-misi berkaitan seperti International Monitoring Team (IMT) di Republik Filipina telah memberikan impak yang sangat positif.

"ABDB telah memainkan peranan penting dalam memastikan proses pelucutan senjata dilaksanakan secara profesional, telus dan adil. Sikap berkecuali mereka dalam menangani misi-misi yang sensitif telah membantu membina keyakinan semua pihak berkepentingan dan menyumbang secara langsung kepada kejayaan inisiatif perdamaian di kawasan tersebut," terangnya.

>> Muka 10

# MEMPERTINGKATKAN INDUSTRI HULUAN MINYAK DAN GAS, MEMACU EKONOMI NEGARA









**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat bersama pada Majlis Penandatanganan Perjanjian Perkongsian Pengeluaran (PSA) di antara Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam (PA) dan Syarikat EnQuest EP BV Limited. Turut hadir, Yang Berhormat Peguam Negara (atas, atas kanan dan kanan).**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**JERUDONG**, Rabu, 16 Julai. - Majlis Penandatanganan Perjanjian Perkongsian Pengeluaran (PSA) di antara Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam (PA) dan Syarikat EnQuest EP BV Limited yang diadakan petang tadi di The Empire Brunei menandakan satu pencapaian penting dalam sektor tenaga Negara Brunei Darussalam (NBD).

Majlis tersebut menggariskan komitmen berterusan NBD untuk mempertingkatkan industri huluan minyak dan gas serta memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Penandatanganan bersejarah yang diadakan ini adalah penganugerahan PSA baharu yang pertama di Brunei dalam tempoh lebih 10 tahun kebelakangan, menandakan peningkatan yang ketara dalam sektor huluan minyak dan gas negara.

Hadir selaku tetamu kehormat bersama ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir ialah Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib; Timbalan-timbalan Menteri di JPM dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Setiausaha-setiausaha Tetap di JPM, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah PA.

Menandatangani bagi pihak PA ialah Pengarah Urusan PA, Awang Shamir Salahudin dan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Ahli-ahli Lembaga Pengarah PA.

Manakala Syarikat EnQuest EP BV Limited diwakili oleh Pengurus Besar - Asia Tenggara bagi Syarikat EnQuest, Ahmed Radzif bin P. M. Mustafa Kamal dan Pengurus Komersial EnQuest Malaysia, Hafeiz Mat Jusoh.

Penandatanganan ini disaksikan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.

Majlis disudahi dengan sesi bergambar ramai dan bacaan Doa Kesyukuran.

Syarikat EnQuest, anak syarikat kepada Syarikat EnQuest PLC yang berpangkalan di London, merupakan syarikat tenaga bebas yang terkemuka dan mempunyai reputasi yang kukuh di United Kingdom dan Asia Tenggara.

Selaras dengan komitmennya untuk menyokong pembangunan NBD, Syarikat EnQuest telah menubuhkan sebuah cawangan tempatan, Syarikat EnQuest EP BV Limited, untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti projek.

Kerja-kerja pra-pembangunan untuk blok petroleum yang dianugerahkan telah pun bermula, dengan pengeluaran gas pertama dirancang menjelang tahun 2029.

Penganugerahan PSA ini bukan sahaja menonjolkan daya tarikan NBD sebagai destinasi untuk penerokaan dan pembangunan minyak dan gas tetapi juga mencerminkan usaha berterusan PA untuk bekerjasama dengan rakan kongsi antarabangsa yang bereputasi.

Kerjasama ini dijangka akan mengukuhkan keselamatan tenaga NBD, mewujudkan peluang pekerjaan baharu, dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Kemasukan Syarikat EnQuest menandakan penambahan terbaharu kepada sektor huluan negara yang dinamik, berikutan perkembangan terkini seperti pemerolehan kepentingan Hibiscus EP (Brunei) BV dalam blok petroleum lain.

Inisiatif ini adalah sebahagian daripada strategi NBD yang lebih menyeluruh untuk memperkukuhkan kedudukan negara dalam landskap tenaga global serta memastikan kelestarian jangka panjang industri minyak dan gas.

# Doa Kesyukuran sempena Hari Keputeraan



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 Tahun.**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 16 Julai. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di bawahnya petang tadi mengadakan Majlis Doa Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 Tahun bertempat di Surau, Tingkat 3, Island Block, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Rahman; Pemangku Setiausaha-Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan Solat Sunat Hajat, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran, sebelum diakhiri dengan Solat Fardu Asar berjemaah yang dipimpin oleh Pegawai Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Awang Muhd. Zharfan bin Haji Awang Ahmad.

Majlis berkenaan diadakan sebagai melahirkan kesyukuran akan kepimpinan baginda dan seterusnya memanjatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga baginda dilanjutkan usia, sihat walafiat dan kekal karar memerintah negara dengan berlandaskan iman dan panduan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis pada tahun ini adalah dikelolakan oleh Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.



# 12 ANAK DAMIT 15 JULAI TERIMA CENDERAMATA



**ISTERI Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai pada Majlis Kesyukuran dan Penyampaian Cenderamata Kepada Anak-anak Damit yang Lahir pada 15 Julai 2025 di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 16 Julai. - Seramai 16 anak damit dilahirkan pada 15 Julai 2025, dengan 12 anak damit telah dilahirkan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Sehubungan itu, Majlis Kesyukuran dan Penyampaian Cenderamata Kepada Anak-anak Damit yang Lahir pada 15 Julai 2025 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun 2025 ialah isteri Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Pengiran Datin Hajah Norzana binti Pengiran Haji Rosli hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis tersebut diadakan di Pusat Perempuan dan Kanak-kanak, Hospital RIPAS.

Pada majlis tersebut, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) menyumbang cenderamata kepada anak-anak damit berkenaan berupa wang yang dikreditkan ke dalam Akaun SiManja dan barang keperluan anak damit dan ibu serta potret kenangan ibu bapa dengan anak damit sumbangan daripada Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025.

Sementara, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad berserta anak-anak syarikatnya turut memberikan sumbangan Pelan Takaful Siswa yang bernilai BND240 bagi tempoh setahun.

Manakala, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) turut mengambil bahagian dengan memberikan sumbangan cenderamata berupa produk Satu Kampung Satu Produk (1K1P) kepada tetamu kehormat majlis dan jemputan di hospital berkenaan.

Anak damit pertama telah dilahirkan di Hospital RIPAS, manakala anak damit terakhir telah dilahirkan di JPMC.






# Meraikan 3 anak damit lahir 15 Julai di Daerah Belait



**ISTERI Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai pada Majlis Kesyukuran dan Penyampaian Cenderamata Kepada Anak-anak Damit yang Lahir pada 15 Julai 2025 di Hospital Suri Seri Begawan, Daerah Belait.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BELAIT**, Rabu, 16 Julai. - Seramai tiga anak damit telah dilahirkan di Hospital Suri Seri Begawan (SSBH), Daerah Belait pada 15 Julai tahun ini.

Sehubungan itu, Majlis Kesyukuran dan Penyampaian Cenderamata Kepada Anak-anak Damit yang Lahir pada 15 Julai 2025 sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 telah diadakan di hospital berkenaan pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, isteri Menteri Pembangunan, Datin Fadzlin binti Hashim.

Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat majlis kemudiannya menyampaikan cenderamata wang yang dikreditkan ke dalam Akaun SiManja di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB).

Juga disumbangkan barang keperluan anak damit dan ibu serta potret kenangan ibu bapa dengan anak damit sumbangan daripada Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 bagi Tahun 2025.

Perbadanan TAIB turut menyumbangkan cenderamata berupa hamper barangan keperluan anak damit dan wang tunai yang dikreditkan ke dalam Akaun SiManja di Perbadanan TAIB.

Manakala, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad berserta anak-anak syarikatnya turut memberikan sumbangan Pelan Takaful Siswa yang bernilai BND240 bagi tempoh setahun.

Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) juga turut mengambil bahagian dengan memberikan sumbangan cenderahati berupa produk Satu Kampung Satu Produk (1K1P) kepada tetamu kehormat majlis dan para jemputan yang hadir.

# JPMC catat kelahiran seorang anak damit



**ISTERI Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Kesyukuran dan Penyampaian Cenderamata Kepada Anak-anak Damit yang Lahir pada 15 Julai 2025 di Jerudong Park Medical Centre.**

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**JERUDONG**, Rabu, 16 Julai. - Seramai 16 anak damit telah dilahirkan pada 15 Julai 2025, dengan seorang anak damit telah dilahirkan di Jerudong Park Medical Centre (JPMC).

Sehubungan dengan itu, Majlis Kesyukuran dan Penyampaian Cenderamata Kepada Anak-anak Damit yang Lahir pada 15 Julai 2025 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun 2025 diadakan di JPMC, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, isteri Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Hajah Binanun binti Haji Bungsu, yang kemudiannya menyempurnakan pemberian hadiah berkenaan.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat majlis menyampaikan cenderamata berupa wang yang dikreditkan ke dalam Akaun SiManja di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), barang keperluan anak damit dan ibu serta potret kenangan ibu bapa dengan anak damit sumbangan daripada Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025.

Manakala, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad berserta anak-anak syarikatnya turut memberikan sumbangan Pelan Takaful Siswa yang bernilai BND240 bagi tempoh setahun.

Sementara Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) juga turut mengambil bahagian dengan memberikan sumbangan cenderamata berupa produk Satu Kampung Satu Produk (1K1P) kepada tetamu kehormat majlis dan jemputan di hospital berkenaan.

# MAJLIS PELANCARAN RANGKA KERJA KOMPETENSI PPDB

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 18 Julai. - Majlis Pelancaran Rangka Kerja Kompetensi Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah diadakan Di Dewan Bankuet, Mes Pegawai Polis, Ibu Pejabat Polis Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin. Turut berangkat dan hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris selaku Pengerusi Jawatankuasa Rangka Kerja Kompetensi, PPDB.

Dalam sabda, Yang Amat Mulia Pengerusi Jawatankuasa menjelaskan bahawa satu jawatankuasa telah ditubuhkan bagi mengkaji kompetensi-kompetensi yang diperlukan dalam lima bidang kepolisan teras, iaitu penyiasatan, tugas am, operasi, perisikan dan pentadbiran.

Jawatankuasa tersebut telah berjaya menghasilkan Rangka Kerja Kompetensi buat kali pertama dalam sejarah pasukan, lengkap dengan Kamus Kompetensi. Inisiatif ini juga adalah selaras dengan Strategi Teras Latihan dalam Pelan Strategik PPDB.

Tambah sabda Yang Amat Mulia lagi, bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Upacara Istiadat Perbarisan Penganugerahan Bendera Panji-panji Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 18 Januari 2025, Rangka Kerja Kompetensi ini merupakan langkah pertama dalam pelaksanaan pelan menyeluruh perancangan penggantian (*succession planning*) dalam PPDB.

Rangka Kerja Kompetensi ini akan disusuli dengan semakan dan penambahbaikan terhadap skim serta struktur perkhidmatan, di samping penilaian semula ke atas teknik dan proses penilaian prestasi di setiap peringkat organisasi.

Pendekatan ini dijangka akan mewujudkan satu sistem pengurusan sumber manusia yang lebih telus, berstruktur dan berteraskan meritokrasi.

Selepas merasmikan pelancaran Rangka Kerja Kompetensi PPDB, Pesuruhjaya Polis, PPDB menyatakan harapan agar Rangka Kerja Kompetensi ini menjadi bahan rujukan yang bermanfaat serta menyumbangkan kemajuan di dalam memperkukuhkan lagi kapasiti warga PPDB di dalam menjalankan tugas yang telah diamanahkan secara profesional mengikut sukat-sukat kompetensi yang telah ditetapkan pada masa ini.

Majlis diteruskan dengan tayangan video informasi mengenai Rangka Kerja Kompetensi, diikuti dengan sesi soal jawab yang memberi ruang kepada hadirin untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang pelaksanaan Rangka Kerja tersebut.

Seramai kira-kira 700 pegawai dan anggota PPDB hadir pada majlis tersebut, sekali gus mencerminkan komitmen tinggi pasukan terhadap agenda pembaharuan dan pemantapan institusi pasukan.

Pelancaran Rangka Kerja Kompetensi ini merupakan satu penanda aras baharu dalam inisiatif strategik PPDB untuk meningkatkan kepercayaan dan keyakinan raja serta masyarakat umum, melalui pengamalan budaya kerja yang lebih sistematik, berwibawa dan berteraskan kepada usaha berterusan dalam meningkatkan profesionalisme, akauntabiliti dan integriti pasukan.



**PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai pada Majlis Pelancaran Rangka Kerja Kompetensi PPDB.**



**SALAH seorang anggota polis mengajukan soalan mengenai Rangka Kerja tersebut.**

# KHEU laksanakan kaji selidik perkhidmatan agama

**Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis**
**Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 17 Julai. - Selaras dengan falsafah Negara Brunei Darussalam (NBD) iaitu Melayu Islam Beraja (MIB) dan seterusnya mendukung hasrat Wawasan Brunei 2035, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) sentiasa komited dalam memastikan perkhidmatan-perkhidmatan agama yang diberi kepada orang ramai adalah relevan dan setentunya berkesan.

Justeru, KHEU amat berperanan penting dalam usaha memperkukuhkan kefahaman dan penghayatan Islam khususnya bagi masyarakat tempatan di NBD. Oleh itu, bagi mendapatkan maklum balas orang ramai terhadap perkhidmatan agama, satu kaji selidik melibatkan pemimpin akar umbi dan pihak berkepentingan termasuk ahli jawatankuasa takmir dan belia masjid akan dilaksanakan.

Objektif kaji selidik ini adalah bagi mengetahui sejauh mana tahap kepuasan orang ramai terhadap perkhidmatan agama yang diberikan oleh jabatan-jabatan di bawah KHEU serta mendapatkan sebarang cadangan bagi penambahbaikan untuk memastikan perkhidmatan agama yang diberikan adalah pada tahap yang optimum.

Untuk makluman orang ramai juga, semua maklumat yang diterima adalah dikategorikan sebagai rahsia dan akan digunakan oleh KHEU dalam merancang serta melaksanakan strategi penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan agama. Kaji selidik ini akan berakhir pada 31 Julai 2025.

Oleh yang demikian, orang ramai adalah dialu-alukan untuk mengisikan kaji selidik berkenaan dengan mengimbas Kod QR pada infografik yang disediakan ataupun melalui pautan *https://bit.ly/KHEUperkhidmatanugama*.

Bagi sebarang pertanyaan, orang ramai boleh berhubung terus di Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, KHEU atau menghubungi menerusi talian +673 2382525 / +673 2382301 / +673 2382302 atau melalui e-mel di alamat *bpa.mora@gov.bn*.




# UNISSA tersenarai 400 terbaik WURI 2025

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**



**UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali berjaya tersenarai dalam kelompok 400 terbaik The World University Rankings for Innovation 2025.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 18 Julai. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) terus mencipta nama di peringkat global dalam landskap inovasi apabila berjaya tersenarai dalam kelompok 400 terbaik The World University Rankings for Innovation (WURI) 2025.

Dalam sistem penarafan yang melibatkan penyertaan 1,253 buah universiti daripada 87 buah negara, UNISSA meraih kedudukan ke-201 secara keseluruhan.

Keputusan kedudukan tersebut telah diumumkan oleh pihak Urus Setia WURI pada 10 Julai lalu. Menurut laporan yang dikeluarkan, sebanyak 16 kategori telah dinilai berasaskan tiga kriteria utama, iaitu inovasi, kebolehlaksanaan dan impak.

UNISSA juga mendapat kedudukan ke-3 dalam Kategori Technology Development and Application. Manakala dalam Kategori ESG trend, UNISSA menduduki tempat ke-19. Dalam Kategori Empowerment-based Management pula, UNISSA mendapat kedudukan ke-28.

Menurut laporan tersebut juga, sebanyak 4,866 buah program inovatif telah dinilai dalam WURI pada tahun ini.

Pengiktirafan ini menunjukkan bahawa sebagai sebuah institusi tinggi Islam tulen, UNISSA mampu memberi impak yang positif dalam bidang inovasi, khususnya dalam melahirkan generasi Khayra Ummah menerusi program dan penyelidikan berkualiti tinggi.

Edisi WURI kali ini, UNISSA mampu berdiri setanding dengan universiti-universiti terkemuka di dunia seperti Nanyang Technological University, University of Manchester dan Western Sydney University.

# MEMPERKUKUH KETAHANAN SERANTAU, PEMBANGUNAN MAMPAN






YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa menghadiri Mesyuarat ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) Caucus Ke-16 (atas dan kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

**PHNOM PENH, KEMBOJA**, Rabu, 16 Julai. - Mesyuarat ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) Caucus Ke-16 telah dihoskan oleh National Assembly of the Kingdom of Cambodia dari 15 hingga 16 Julai 2025 di Phnom Penh, Kemboja.

Mesyuarat telah dirasmikan oleh President of the National Assembly of the Kingdom of Cambodia, Yang Berhormat Samdech Maha Rathsapheathika Thipadei Khuon Sudary, dan telah dihadiri oleh ahli-ahli parlimen daripada lapan buah parlimen negara Ahli AIPA.

Mewakili Majlis Mesyuarat Negara (MMN) ke mesyuarat tersebut ialah Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof dan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Dengan tema 'Peace Through Dialogue: The Parliamentary Path Forward', mesyuarat tahunan ini bertujuan untuk memantau pelaksanaan resolusi-resolusi yang telah diluluskan semasa Perhimpunan Agung AIPA Ke-45 pada tahun 2024, serta memperkukuh kerjasama antara parlimen-parlimen negara Ahli AIPA dalam menyelaras dasar dan amalan terbaik serantau.

Selain itu, Mesyuarat AIPA Caucus ke-16 turut diisikan dengan sesi-sesi dialog parlimen bersama dengan lapan buah Negara Pemerhati AIPA, Rakan Pembangunan AIPA serta tetamu-tetamu kepada pihak penganjur.

Sesi Dialog parlimen berkenaan bertujuan untuk berkongsi pengalaman, pandangan dan amalan terbaik dalam memperkukuh keselamatan, ketahanan serantau dan pembangunan mampan.

Mesyuarat diakhiri dengan Majlis Penandatanganan bagi Laporan Mesyuarat AIPA Caucus Ke-16.

Laporan berkenaan seterusnya akan dibawakan ke Perhimpunan Agung AIPA Ke-46 untuk diluluskan.

# MIC, UTB raikan kejayaan pelajar, perkukuhkan hubungan akademik



SERAMAI 36 pelajar menerima sijil masing-masing setelah berjaya menamatkan program akademik mereka di Kolej Antarabangsa Micronet (MIC) dan seterusnya akan melanjutkan pengajian di Universiti Teknologi Brunei (UTB).

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 17 Julai. - Seramai 36 pelajar menerima sijil masing-masing setelah berjaya menamatkan program akademik mereka di Kolej Antarabangsa Micronet (MIC) dan seterusnya akan melanjutkan pengajian di Universiti Teknologi Brunei (UTB).



NAIB Canselor UTB hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada penerima.

Pada Majlis Penyampaian Sijil yang berlangsung di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) itu, 26 pelajar mengikuti UTB-MIC Computing Degree Programme pengambilan Julai 2024 manakala 10 pelajar lagi adalah di bawah UTB-SP Bridging Programme in Computing (BriCOMP) pengambilan Mac 2025.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil-sijil ialah Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Anugerah Kecemerlangan Khas juga diberikan kepada dua pelajar iaitu Dayang A'thiyah A'zimah binti Haji Muhammad Khairul Azwan dari Program BriCOMP dan Dayang Alyzza binti Md. Aminurzaman Alias Ong Ching Ching dari UTB-MIC Computing Degree Programme, sebagai penghargaan atas prestasi akademik yang cemerlang dan sumbangan mereka.

Terdahulu, dalam ucapan alu-aluannya, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah merakamkan ucapan tahniah kepada UTB dan MIC atas usaha cemerlang dalam memastikan kejayaan program-program yang dilaksanakan.

"Penandatanganan Memorandum Perjanjian (MoA) yang akan kita saksikan hari ini menekankan usaha kerjasama dan manfaat yang dijangka untuk semua pihak yang terlibat," jelasnya.

Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah berkata, dalam tempoh dua tahun akan datang, kami akan menyambut kohort pertama pelajar Program Ijazah Perniagaan UTB-MIC.

"Kerjasama dengan MIC telah terbukti sebagai satu laluan alternatif yang penting untuk kemasukan ke UTB. Ia merupakan bukti kepada kejayaan kerjasama ini yang telah dan akan terus memperluaskan jumlah pelajar berkelayakan yang melanjutkan pengajian peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang ICT dan perniagaan. MIC juga telah melabur dalam mempertingkatkan kemahiran belia Brunei dalam bidang pendigitalan dan perniagaan," ujarnya.

Majlis diikuti dengan penandatanganan MoA bagi UTB-MIC Computing Degree Programmes dan UTB-MIC Business Degree Programmes antara MIC dan UTB.

Menandatangani bagi pihak UTB ialah Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah yang disaksikan oleh Pemangku Pendaftar dan Setiausaha, UTB, Awang Alias bin Haji Abu Bakar, manakala MIC ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif MIC, Sylvester Yong dan disaksikan oleh Pengurus Besar MIC, Sharon Chin.

Penandatanganan berkenaan menandakan komitmen berterusan kedua-dua institusi untuk memperluaskan laluan akademik dan memperkukuhkan kerjasama pendidikan tinggi di Negara Brunei Darussalam.

# KUKUHKAN KOMITMEN NBD KE ARAH EKONOMI INKLUSIF, RENDAH KARBON




TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dalam ucaptamanya (kanan), manakala gambar kiri, antara yang membuat pembentangan pada Forum Ekonomi Mampan 2025 yang diadakan di Mutiara Ballroom, Radisson Hotel.



SEBAHAGIAN yang hadir mendengarkan Forum Ekonomi Mampan 2025.

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Julai. - Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) Brunei Darussalam dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta sokongan daripada Jabatan Kemajuan Pelancongan hari ini menganjurkan Forum Ekonomi Mampan 2025 yang diadakan di Mutiara Ballroom, Radisson Hotel, di sini.

Forum tersebut yang merupakan sebahagian daripada Program Ekonomi Brunei telah menghimpunkan lebih 100 pembuat dasar kanan, pemimpin perniagaan, pakar kelestarian dan rakan serantau untuk berdialog mengenai 'Naturally Brunei : Pathways to Sustainable Growth'.

Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi dalam ucaptama pembukaannya, menggariskan visi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke arah ekonomi hijau yang mengimbangi kemakmuran dan kesihatan alam sekitar.

Beliau turut menekankan kepentingan segera untuk mengintegrasikan kelestarian dalam pelbagai industri demi mencapai daya tahan ekonomi jangka panjang.

Sementara itu, Presiden Dewan Perniagaan Kebangsaan dan Industri Negara Brunei Darussalam (The National Chamber of Commerce and Industry Brunei Darussalam - NCCIBD), Awang Haji Abdul Saman bin Haji Ahmad dalam ucapan alu-aluannya berkata bahawa beliau dan Ahli the ASEAN Business Advisory Council (ASEAN-BAC) Brunei mengulangi komitmen sektor swasta untuk menyokong agenda ekonomi mampan NBD.

Beliau dalam pada itu, turut menekankan kepentingan menjajarkan pertumbuhan perniagaan dengan matlamat iklim serta mewujudkan persekitaran yang menyokong inovasi hijau.

Manakala Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Salinah binti Haji Md. Salleh juga menekankan peranan pelancongan dalam pertumbuhan ekonomi mampan, sambil menyatakan peningkatan jumlah pelawat ke NBD dan potensi negara ini sebagai hab pelancongan yang autentik dan mesra alam.

Beliau juga menegaskan pentingnya pelancongan berasaskan komuniti dalam memperkasa masyarakat setempat sambil memelihara warisan budaya dan alam semula jadi di negara ini.

Sepanjang hari, pembentangan memberi tumpuan kepada strategi negara dalam menyelaraskan kelestarian dengan keutamaan ekonomi. Perbincangan melibatkan kerjasama rentas sektor, penerapan amalan ESG dalam operasi perniagaan dan sokongan kepada Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) dalam mengamalkan piawaian kelestarian antarabangsa.

Sesi panel menampilkan pandangan tentang membina ekosistem yang inklusif untuk pertumbuhan mampan serta kepentingan kerjasama rentas sempadan, inovasi, dan perkongsian ilmu.

Kajian kes mengenai penyelesaian ekonomi kitaran menunjukkan potensi inovasi berteknologi rendah dalam mengurangkan pembaziran makanan dan menyokong pembangunan hijau.

Segmen pelancongan meneroka persimpangan antara pemuliharaan, inovasi digital dan pelancongan mampan. Perbincangan menekankan nilai ekopelancongan akar umbi, pemulihan habitat, dan bagaimana teknologi dapat meningkatkan pengalaman pelancongan yang bersifat peribadi dan berimpak rendah.

Forum diakhiri dengan panel penutup mengenai pelancongan mampan, di mana pakar tempatan dan antarabangsa berkongsi pandangan tentang mengapa pendekatan hijau bukan sahaja penting untuk alam sekitar tetapi juga membawa manfaat ekonomi.

Forum Ekonomi Mampan 2025 mengukuhkan komitmen NBD dalam memajukan pembangunan ekonomi yang inklusif dan rendah karbon. Dengan meletakkan kelestarian sebagai teras dalam perniagaan dan dasar, acara ini menandakan langkah penting ke hadapan dalam membentuk masa depan NBD yang bersedia, makmur, dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

## Penglibatan dalam IDB VMAT tingkatkan reputasi kerjasama keselamatan serantau

>> Muka 5

Di samping itu, ujar beliau, penglibatan ini telah meningkatkan reputasi dan kredibiliti ABDB dalam konteks kerjasama keselamatan serantau. Ia turut memperkukuhkan hubungan diplomatik dan persefahaman antara NBD dan Republik Filipina, serta menyumbang kepada keamanan dan kestabilan serantau yang berterusan.

Sementara itu, Leftenan Kolonel (U) Mohammad Khairul bin Pehin Datu Indera Setia Dato Paduka Seri Haji Sulaiman selaku Ketua Kontinjen IDB VMAT 6 / 2024 pula mengongsikan, pengalaman mengetuai kontinjen NBD dalam IDB merupakan satu penghormatan besar dan pada masa yang sama satu tanggungjawab yang amat mencabar.

"Kami berperanan sebagai pihak berkecuali dalam menyokong proses damai di Mindanao, khususnya dalam memastikan proses penyahtauliahan dan pelucutan senjata bekas Kombatan dilaksanakan secara aman, berintegriti dan telus.

"Sepanjang tempoh penugasan, kami berdepan dengan pelbagai cabaran dari aspek logistik di kawasan pedalaman, komunikasi merentas budaya dan bahasa, sehinggalah kepada sensitiviti kemanusiaan dalam berurusan dengan bekas Kombatan yang meletakkan sepenuh kepercayaan kepada proses damai ini.

"Namun begitu, dengan semangat kerjasama pelbagai pihak termasuk rakan-rakan antarabangsa serta wakil-wakil kerajaan dan masyarakat di Republik Filipina, segala cabaran tersebut kami atasi dengan keazaman untuk menyumbang kepada keamanan yang berkekalan di rantau ini," ujarnya.

Terdahulu, Leftenan Kolonel (U) Mohammad Khairul juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kepercayaan yang diberikan kepadanya mengetuai kontinjen NBD dalam misi yang sangat bersejarah dan bermakna ini.

"Saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada semua anggota kontinjen NBD yang sentiasa menunjukkan disiplin, profesionalisme dan semangat kental dalam menghadapi pelbagai keadaan di lapangan. Mereka adalah duta keamanan NBD di arena antarabangsa terutamanya di rantau ini.

"Akhir kata, saya berdoa agar usaha kami ini menjadi sumbangan yang bermakna dan berkesan dalam mencapai keamanan yang berkekalan di Mindanao," tambahnya.

MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1.**'Media Sosial : Alat Komunikasi Atau Punca Tekanan'.** Tarikh Tutup **: 23 Julai 2025**
2.**'Peranan Belia Dalam Membina Teknologi Bermanfaat'.** Tarikh Tutup **: 30 Julai 2025**
3.**'Isu Pengangguran, Keperluan Penyesuaian Kurikulum'.** Tarikh Tutup **: 6 Ogos 2025**

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan.**
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi BND75 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 22 MUHARRAM 1447H / 18 JULAI 2025M

Sila imbas untuk khutbah lengkap

JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# KELEBIHAN & KEISTIMEWAAN AYATUL KURSI

## AYATUL KURSI

Merupakan **ayat paling agung** dalam al-Quran sebagaimana disabdakan oleh Rasulullah SAW kepada Ubai bin Ka'ab.

Ayatul Kursi memiliki banyak kelebihan dan keistimewaan seperti yang disebutkan dalam hadis-hadis Rasulullah SAW, antaranya ialah:

### Tidak akan terhalang untuk memasuki syurga

Daripada Abu Umamah al-Bahili RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ قَرَأَ آيَةَ الْكُرْسِيِّ دُبُرَ كُلِّ صَلَاةٍ مَكْتُوبَةٍ
لَمْ يَمْنَعْهُ مِنْ دُخُولِ الْجَنَّةِ، إِلَّا الْمَوْتُ

"Barangsiapa yang membaca Ayatul Kursi selepas setiap kali sembahyang fardhu, tidak akan terhalang baginya untuk memasuki syurga melainkan mati."
(Hadis riwayat an-Nasai'e)

### Sentiasa berada dalam perlindungan Allah SWT

Daripada Ubai bin Ka'ab, Nabi SAW bersabda:

إِذَا قَرَأْتَهَا غُدْوَةً أُجِرْتَ مِنَّا حَتَّى تُمْسِي،
وَإِذَا قَرَأْتَهَا حِيْنَ تُمْسِي أُجِرْتَ مِنَّا حَتَّى تُصْبِحَ

"Jika kamu membacanya ketika waktu pagi, maka kamu akan dilindungi (oleh Allah dari berbagai gangguan) hingga ke waktu petang. Dan jika kamu membacanya ketika waktu petang, maka kamu akan dilindungi (oleh Allah dari berbagai gangguan) hingga ke waktu pagi."
(Hadis riwayat Hakim)

Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam

# Kelebihan dan keistimewaan Ayatul Kursi




BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Suran Al-An'am, ayat 155 :

**Tafsirnya :** "*Dan (Al-Quran) ini ialah kitab yang Kami turunkan (kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) yang diberkati maka ikutlah ia dan bertakwalah supaya kamu dirahmati*".

Al-Quran merupakan kalamullah yang diturunkan melalui perantaraan Malaikat Jibril Alaihissalam kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Al-Quran mengandungi pengajaran untuk setiap aspek kehidupan. Ia bukan saja menyentuh perkara kerohanian dan akhirat, bahkan ia juga kaya dan pelbagai khazanah ilmu duniawi.

Sesungguhnya Al-Quran berperanan sebagai cahaya petunjuk dalam menempuhi kehidupan di dunia, melaluinya kita dapat membezakan antara perkara yang hak dan yang batil. Al-Quran juga membawa rahmat kepada manusia, menjadi penawar kepada penyakit rohani dan jasmani, menjadi peraturan dalam kehidupan serta membentuk akhlak yang mulia. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Isra', ayat 82 :

**Tafsirnya :** "*Dan Kami menurunkan daripada Al-Quran suatu penawar (bagi penyakit rohani dan jasmani) dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan Al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim (orang-orang kafir) selain kerugian*".

Inilah kemuliaan Al-Quran, bukan saja memberi manfaat kepada kita di dunia bahkan juga di akhirat sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Abu Umamah Al-Bahili Radiallahuanhu bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "*Bacalah Al-Quran. Sesungguhnya ia akan datang pada Hari Kiamat sebagai pemberi syafaat kepada pembacanya*".

Di dalam Al-Quran Al-Karim iaitu dalam Surah Al-Baqarah, ada ayat yang dinamakan sebagai Ayatul Kursi. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyebutkan dalam hadis Baginda bahawa Ayatul Kursi merupakan ayat yang paling agung di dalam kitab Allah. Daripada Ubai bin Ka'ab Radiallahuanhu, katanya : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bertanya kepadaku :

**Maksudnya :** "*Wahai Abu Al-Munzir, adakah kamu tahu apakah ayat dalam kitab Allah yang bersama kamu, yang paling agung?" Aku (Ubai) menjawab : "Allah dan rasul-Nya yang lebih mengetahui". Sabda Baginda : "Wahai Abu Al-Munzir, adakah kamu tahu, apakah ayat dalam kitab Allah yang bersama kamu, yang paling agung?" Aku berkata : 'Allahu La Ilaha Illa Huwal Hayyul Qayyum'. Lalu Baginda menepuk dadaku dan bersabda : "Semoga dipermudahkan ilmu bagimu, Abu Al-Munzir*".

Terdapat sebuah kisah menarik dalam kitab sahih Bukhari mengenai Ayatul Kursi. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, ia berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mewakilkan kepadaku untuk menjaga zakat Ramadan. Lalu datang kepadaku seseorang dan menyelongkar makanan dan mengambilnya. Aku memegangnya (menangkapnya) dan berkata : "*Demi Allah! Aku akan membawamu kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam*". Dia berkata : "*Lepaskan aku, sesungguhnya aku orang yang memerlukan dan aku memiliki tanggungan keluarga dan sangat memerlukannya*". Abu Hurairah berkata : "*Aku melepaskannya*".

Ketika pagi hari, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bertanya : "*Wahai Abu Hurairah! Apakah yang dilakukan oleh orang yang engkau tangkap malam tadi?*" Aku berkata : "*Wahai Rasulullah! Dia mengadu keadaannya yang sangat memerlukan disebabkan oleh tanggungan keluarganya, aku berasa kasihan kepadanya dan melepaskannya*". Baginda bersabda : "*Ketahuilah bahawa sesungguhnya dia telah berdusta kepadamu dan dia akan kembali*".

Aku pun mengetahui dia akan kembali berdasarkan sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bahawa dia akan kembali. Aku mengawasinya dengan bersungguh-sungguh. Maka dia datang dan menyelongkar makanan. Aku memegangnya (menangkapnya) dan berkata : "*Sesungguhnya aku akan membawamu kepada Rasulullah*". Dia berkata : "*Lepaskanlah aku! Sesungguhnya aku orang yang memerlukan, aku memiliki tanggungan dan aku tidak akan kembali lagi*". Aku merasa kasihan kepadanya dan melepaskannya.

Ketika pagi hari, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bertanya kepadaku : "*Wahai Abu Hurairah! Apakah yang dilakukan oleh orang yang engkau tangkap malam tadi?*" Aku berkata : "*Wahai Rasulullah! Dia mengadu tentang keadaannya yang sangat memerlukan disebabkan oleh tanggungannya. Aku merasa kasihan terhadapnya dan melepaskannya*". Baginda bersabda : "*Ketahuilah bahawa sesungguhnya dia telah berdusta kepadamu dan dia akan kembali*".

Aku pun mengawasinya dengan bersungguh-sungguh untuk kali ketiga. Maka dia datang dan menyelongkar makanan. Aku memegangnya (menangkapnya) dan berkata : "*Sesungguhnya aku akan membawamu kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan ini ketiga kalinya engkau mengatakan engkau tidak akan kembali, namun engkau tetap kembali*". Dia berkata : "*Lepaskanlah aku, nescaya aku akan mengajar kepadamu beberapa kalimah yang akan memberi manfaat kepadamu di sisi Allah*". Aku menjawab : "*Apakah kalimah itu?*" Dia berkata : "*Jika kamu sudah berada di tempat tidur kamu, maka bacalah Ayatul Kursi : (Maksudnya : Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang tetap hidup yang kekal selama-lamanya mentadbir (sekalian makhluk-Nya). Sehingga engkau selesaikan ke akhir ayat. Sesungguhnya engkau akan didampingi oleh seorang penjaga yang ditugas oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan engkau juga tidak akan didekati oleh syaitan sehingga waktu pagi*". Maka aku melepaskannya.

Ketika pagi hari, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bertanya kepadaku : "*Apakah yang dilakukan oleh orang yang engkau tangkap malam tadi?*" Aku berkata : "*Wahai Rasulullah! Dia mengaku, dia telah mengajarku beberapa kalimah yang Allah Subhanahu Wata'ala menjadikannya bermanfaat bagiku, maka aku melepaskannya*". Baginda bertanya : "*Apakah itu?*" Aku berkata : "*Dia berkata kepadaku bahawa jika kamu sudah berada di tempat tidur kamu, maka bacalah Ayatul Kursi dari awal sehingga akhir ayat : 'Allahu La Ilaha Illa Huwal Hayyul Qayyum*'. Dia berkata kepadaku : "*Engkau akan sentiasa didampingi oleh seorang penjaga yang ditugaskan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan engkau juga tidak akan didekati oleh syaitan sehinggalah waktu pagi*". Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "*Adapun dia yang dikatakan olehnya kepadamu itu adalah benar walaupun dia adalah seorang pendusta. Wahai Abu Hurairah! Adakah kamu mengatakan siapakah yang berbicara dengan kamu selama tiga malam tersebut?*" Abu Hurairah : "*Tidak*". Baginda bersabda "*Itulah syaitan*". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Sesungguhnya kisah ini memberikan pengajaran penting tentang kelebihan dan manfaat membaca Ayatul Kursi yang mana boleh digunakan untuk kebaikan dan perlindungan dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Ayatul Kursi mempunyai banyak kelebihan dan keistimewaan. Perkara ini ada disebutkan di dalam hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, antaranya :

**Pertama :** Tidak akan terhalang untuk memasuki syurga. Daripada Abu Umamah Al-Bahili Radiallahuanhu, bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "*Barang siapa yang membaca Ayatul Kursi selepas setiap kali sembahyang fardu tidak akan terhalang baginya untuk memasuki syurga melainkan mati*". (Hadis Riwayat An-Nasai'e)

**Kedua :** Sentiasa berada dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Ubai bin Ka'ab Radiallahuahu, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "*Jika kamu membacanya ketika waktu pagi, maka kamu akan dilindungi (oleh Allah daripada berbagai-bagai gangguan) hingga ke waktu petang. Dan jika kamu membacanya ketika waktu petang maka kamu akan dilindungi (oleh Allah daripada berbagai-bagai gangguan) hingga ke waktu pagi*". (Hadis Riwayat Hakim)

Itulah Muslimin yang dirahmati Allah, antara kelebihan dan keistimewaan Ayatul Kursi. Sesungguhnya Ayatul Kursi amat digalakkan untuk kita baca bagi melindungi diri kita daripada pelbagai kejahatan yang datang daripada syaitan, jin dan manusia. Akhirnya marilah kita sama-sama membaca dan mengamalkannya dalam kehidupan kita seharian bagi meraih pahala dan untuk mendapatkan perlindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala jua. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** "*Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang tetap hidup, yang kekal selama-lamanya mentadbir (sekalian makhluk-Nya). Dia tidak mengantuk dan tidak juga tidur. Milik-Nya apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi. Tiada siapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisinya melainkan dengan izin-Nya. Dia mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun daripada ilmu Allah melainkan daripada apa yang ada dikehendaki-Nya. Luasnya kursi Allah meliputi langit dan bumi. Dan tidak berat bagi-Nya untuk memelihara kedua-duanya (langit dan bumi). Dan Dia (Allah) yang Maha Tinggi (darjat kemuliaan-Nya) dan Maha Besar (kekuasaan-Nya)*". (Surah Al-Baqarah, ayat 255)

# Bengkel memantapkan kualiti penulisan tesis, artikel

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan**



**SERAMAI kira-kira 40 orang peserta yang terdiri daripada tenaga akademik dan mahasiswa mahasiswi institusi pengajian tinggi tempatan menyertai Bengkel Thesimatic Software: Era Baharu Penulisan Tesis dan Artikel.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 16 Julai. - Seramai kira-kira 40 orang peserta yang terdiri daripada tenaga akademik dan mahasiswa mahasiswi institusi pengajian tinggi tempatan menyertai Bengkel Thesimatic Software: Era Baharu Penulisan Tesis dan Artikel yang dianjurkan oleh Pusat Latihan dan Peningkatan Kompetensi dengan kerjasama Pusat Pengajian Siswazah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Bengkel yang berlangsung di Dewan Tarbiyah, kolej berkenaan, disampaikan oleh fasilitator jemputan, Pensyarah Kanan, Universiti Teknologi MARA Pahang, Malaysia, Dr. Ramlan bin Mustafa.

Setiap sesi dan modul merangkumi latihan praktikal dan bimbingan secara intensif bagi memastikan para peserta dapat mengaplikasikan teknik yang dipelajari dalam penulisan artikel akademik yang berimpak tinggi.

Bengkel selama tiga hari itu antara lain bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para peserta mengenai penggunaan perisian Thesimatic.

Ia juga bermatlamat dalam membimbing para peserta dalam menerapkan kaedah NGT, FDM, ISM dan bibliometric dalam penulisan tesis dan artikel, sekali gus memudahkan proses penulisan tesis dan artikel akademik melalui pendekatan sistematik dan teknologi terkini.

Dengan pendekatan interaktif dan penggunaan teknologi terkini, bengkel ini juga diharap dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti penerbitan artikel di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, yang secara tidak langsung berupaya mengukuhkan reputasi akademik negara di peringkat global.

# Pameran Vibe Ke-18 : Pamer hasil karya kreatif pelajar Kolej IGS

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**



**KIULAP**, Rabu, 16 Julai. - Seramai 45 pelajar tahun akhir Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa (Kolej IGS) menganjurkan Pameran Vibe Ke-18, bermula hari ini sehingga Jumaat, 18 Julai 2025 bertempat di lobi kolej berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya melancarkan majlis pembukaannya, Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah wakil-wakil daripada sektor kerajaan dan swasta yang terdiri daripada industri kreatif, industri media, industri keusahawanan dan industri teknologi maklumat.

Terdahulu, Ketua Pegawai Eksekutif Kolej IGS, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni dalam ucapan alu-aluannya mengongsikan bahawa Vibe merupakan pameran seni kreatif, reka bentuk dan multimedia dwitahunan yang berfungsi sebagai platform untuk mempamerkan hasil karya kreatif pelajar tahun akhir dari Fakulti Seni dan Kemanusiaan, Fakulti Teknologi Maklumat, Fakulti Multimedia dan Penyiaran serta Fakulti Perniagaan.

Bertemakan '18th Vibe Reverie', Vibe kali ini terangnya, mengetengahkan kesedaran tentang kesihatan mental, keusahawanan, pengurusan dan pemahaman terhadap Kecerdasan Buatan (AI) yang menarik minat pelajar dalam menggambarkan idea di sebalik pameran tersebut.

Koleksi karya kreatif yang mengagumkan daripada pelajar merentasi pelbagai disiplin, iaitu Fakulti 'Arts & Humanities'; Fakulti Teknologi Maklumat; Fakulti Multimedia dan Penyiaran; dan Fakulti Perniagaan seperti reka bentuk produk, reka bentuk fesyen, interaktif, filem pendek, animasi dan reka bentuk aplikasi.

Kolej IGS telah lama menganjurkan pameran Vibe yang memainkan peranan penting dalam memupuk hubungan komuniti dan berfungsi sebagai institusi tinggi yang dipercayai menyelaraskan keperluan dalam industri Negara Brunei Darussalam dan Asia.

Sekali gus menyumbang kepada pembangunan landskap ekonomi yang lebih pelbagai dan inovatif, selaras dengan aspirasi negara ke arah Wawasan Brunei 2035.

Acara tersebut dijalankan selama tiga hari dan dibukakan kepada kunjungan orang ramai mulai Rabu, 16 Julai 2025 hingga Jumaat, 18 Julai 2025 dari jam 11.00 pagi hingga 7.00 malam kecuali Jumaat dari jam 2.30 petang hingga 7.00 malam.

Pameran Vibe Ke-18 ditaja oleh Prysm Agency, Visual Hour, Printplus Sdn. Bhd., Mixcoco dan Monokraf.



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan majlis pembukaan (kanan), manakala gambar kiri, antara yang menyertai Pameran Vibe Ke-18.**



**ANTARA koleksi karya kreatif yang mengagumkan daripada pelajar merentasi pelbagai disiplin.**




# SMPDSM LANCAR BILIK AKTIVITI PEMBUNGKUSAN PERISA KFC

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Sekolah-sekolah**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 16 Julai. - Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja (SMPDSM), Mentiri telah mengadakan Majlis Pelancaran Bilik Aktiviti Pembungkusan Kondimen KFC.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Ketua Unit Pendidikan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dr. Andree Asmara bin Haji Abidin.

Turut hadir, Pengetua SMPDSM, Mentiri, Awang Haji Malai Shah Eran bin Syed Haji Yussof; Pengurus Perolehan KFC Brunei Sdn. Bhd., Clarice Petrus; Timbalan Pengetua Pentadbiran, Dayang Radiah binti Haji Abd. Ladi; Timbalan Pengetua Akademik, Dayang Kartina binti Awang Haji Bakar; ahli pentadbiran sekolah, guru-guru dan para pelajar.

Awang Haji Malai Shah Eran dalam ucapan alu-aluannya menzahirkan rasa syukur dan penghargaan kepada KFC Brunei Sdn. Bhd. dan Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan atas projek kolaborasi aktiviti pembungkusan sejak 2014 di sekolah-sekolah menengah kerajaan terpilih.

Beliau seterusnya berkata, projek kolaborasi tersebut akan memberi manfaat kepada sekolah dalam membantu membangunkan kemahiran kebolehpasaran pelajar Program Pra-Vokasional dan memperoleh pengalaman kerja asas sebagai persiapan untuk penempatan kerja dan pekerjaan selepas tamat program.

Sementara itu, Dr. Andree Asmara dalam ucapannya pula turut menzahirkan rasa syukur kepada pihak sekolah atas hasrat yang tinggi dalam melaksanakan projek tersebut untuk para pelajar Program Pra-Vokasional yang berkebolehan.

Sebelum pelancaran tersebut, guru-guru dan para pelajar dari SMPDSM, Mentiri telah melawat Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali (SMSSA), Kampung Salambigar pada Jun lalu untuk mengetahui lebih dekat mengenai pelaksanaan aktiviti pembungkusan dan amalan terbaik yang disampaikan oleh Guru Homeroom Program Pra-Vokasional, Awang Muhammad Ruzaimi bin Muhammad Saifullah.

Sehingga 2025, empat buah sekolah menengah kerajaan terpilih sedang melaksanakan aktiviti pembungkusan perisa KFC, khususnya SMSSA, Sekolah Menengah Sayyidina Othman, Sekolah Menengah Sayyidina Husain dan SMPDSM.

Pada acara tersebut, tetamu kehormat majlis, pengetua dan wakil dari KFC telah mengadakan upacara memotong riben untuk melancarkan secara rasmi bilik aktiviti pembungkusan perisa KFC yang dinamakan 'Permata Internship Room'.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderamata daripada Pengetua kepada Dr. Andree Asmara dan Clarice Petrus.




**KETUA Unit Pendidikan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dr. Andree Asmara bin Haji Abidin hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Bilik Aktiviti Pembungkusan Kondimen KFC.**

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Pusat Pembangunan Belia**
**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**
**Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Sebut Harga:**
07 / 2025 / KKBS / PPB / 06

**Tajuk Sebut Harga:**
Terms Contract 12 Months To Supply, Delivery And Commissioning Of Materials For Plumbing Course At Youth Development Centre, Ministry Of Culture, Youth And Sports.

**Tarikh Tutup:**
Khamis,
24 Julai 2025.

---

**JABATAN DAERAH BELAIT**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**
JDB / BKPD / SH / 11 / 2025

**Tajuk Tawaran:**
Term Contract For Grass Cutting Along The Road Sides In Ulu Belait Area Under Maintenance Of Jabatan Daerah Belait For (01) One Year

**Bilangan Tawaran:**
JDB / BKPD / SH / 12 / 2025

**Tajuk Tawaran:**
Renovation Works On Dewan Pejabat Daerah Mukim Seria Phase 1

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup:**
29 Julai 2025.
(Selasa)

---

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Tawaran:**
Kabel dasar laut berkapasiti tinggi tersebut meningkatkan daya tahan rangkaian dengan menyediakan laluan kepelbagaian untuk trafik antarabangsa, mengurangkan kebergantungan pada jalur lebar yang sedia ada, meningkatkan kedudukan jalur lebar NBD yang lebih baik dan meningkatkan kebergantungan pada laluan sedia ada untuk menyokong internet berkelajuan gigabit, seterusnya membolehkan pengalaman digital yang lancar untuk pengguna dan perniagaan.

Selain itu, sambungan AUG mewujudkan jejak penting kepada pelbagai Points of Presence (POP) antarabangsa, mengukuhkan peranan NBD sebagai hab digital yang baru muncul di rantau ini. Langkah strategik tersebut bukan sahaja menyokong matlamat transformasi digital negara, malah membuka peluang pelaburan serantau.

Pengenalan sistem kabel tambahan ini direka untuk memenuhi permintaan NBD yang semakin meningkat untuk jalur lebar antarabangsa, yang didorong oleh perkembangan global perkhidmatan digital dan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) generatif.

Kabel tersebut melengkapkan kabel dasar laut sedia ada dengan meningkatkan *redundancy* sambil bersiap untuk penamatan sistem kabel lama.

Inisiatif projek tersebut sejajar dengan visi strategik UNN untuk mewujudkan negara sebagai hab ICT serantau yang terkemuka, dengan meningkatkan ketersambungan, memperluaskan liputan, mempelbagaikan rangkaian dan meningkatkan daya tahan sebagai sebahagian daripada memudahkan objektif transformasi digital Wawasan Brunei 2035.

Dengan mengukuhkan tulang belakang digital NBD melalui kepelbagaian infrastruktur kabel dasar laut, sistem kabel AUG menjamin ketersambungan masa depan dan mengukuhkan peranan strategik negara dalam pembangunan digital serantau.

TREND

# Kebangkitan semula trend 'food truck'




Rencana dan Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

**KEBELAKANGAN** ini, fenomena *food truck* atau trak makanan kembali mencuri perhatian masyarakat di Negara Brunei Darussalam (NBD), khususnya semasa musim perayaan. Trend ini bukan sahaja menjadi tarikan utama kepada para pengunjung tempatan, bahkan turut memberikan nafas baharu kepada industri makanan dan minuman (F&B) di negara ini.

Secara umumnya, *food truck* merujuk kepada kenderaan yang diubah suai bagi tujuan menjual makanan dan minuman secara mudah alih. Meskipun konsep ini bukanlah sesuatu yang baharu di negara ini, namun dalam tempoh kebelakangan ini, ia kembali mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan peniaga dan pengguna. Khususnya ketika musim perayaan, kita dapat menyaksikan kebangkitan semula aktiviti perniagaan *food truck* di beberapa kawasan tumpuan seperti Taman Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan. Kawasan ini sering menjadi lokasi tumpuan trak makanan, terutamanya pada hujung minggu dan musim perayaan, yang mana ramai pengunjung hadir untuk menikmati pelbagai pilihan juadah dalam suasana santai dan terbuka.

Salah satu faktor utama yang mendorong kepada kebangkitan semula *food truck* ini ialah kecenderungan masyarakat masa kini terhadap makanan yang mudah diperoleh. Konsep gerai terbuka serta pendekatan *grab-and-go* atau makanan segera untuk dibawa pulang amat bertepatan dengan gaya hidup moden, terutamanya dalam kalangan generasi muda dan keluarga yang mengutamakan kemudahan dan kepelbagaian.

Ketika musim perayaan, *food truck* menjadi pilihan utama kerana ia menawarkan aneka juadah yang lazat pada harga yang berpatutan. Antara hidangan yang sering menjadi tumpuan termasuklah makanan tempatan seperti nasi katok, soto, sate serta makanan gabungan moden seperti burger, kebab dan minuman viral seperti air balang pelbagai perisa. Tidak ketinggalan juga pencuci mulut seperti aiskrim, kek dan buahan segar.

Trend *food truck* di negara ini turut menerima sokongan daripada pelbagai agensi kerajaan dan pihak berkepentingan yang ingin merancakkan sektor keusahawanan, khususnya dalam kalangan belia dan usahawan mikro. Melalui pemberian lesen sementara dan penyediaan tapak jualan khas, para pengusaha diberikan peluang untuk berniaga dalam persekitaran yang lebih tersusun dan terkawal.

Namun demikian, di sebalik perkembangan yang positif ini, pengusaha *food truck* masih berdepan dengan pelbagai cabaran. Antaranya termasuklah kos penyelenggaraan trak yang tinggi, keperluan mematuhi piawaian keselamatan makanan serta persaingan sengit dalam kalangan peniaga makanan lain. Faktor cuaca yang tidak menentu juga boleh menjejaskan operasi harian. Oleh itu, pengusaha perlu bijak merancang strategi dan pengurusan agar perniagaan mereka kekal mampan dan kompetitif.

Kebangkitan semula trend *food truck* pada masa kini juga tidak dapat dipisahkan daripada penggunaan media sosial sebagai alat pemasaran utama. Platform seperti Instagram, TikTok dan Facebook telah menjadi saluran penting untuk mempromosikan menu, lokasi dan waktu operasi secara langsung kepada pelanggan.

Kandungan visual menarik seperti video penyediaan makanan, testimoni pelanggan dan reaksi spontan pengguna mampu menarik perhatian ramai. Malah, terdapat *food truck* yang menjadi tular dan meraih populariti tinggi hanya melalui satu video pendek, sekali gus melonjakkan jualan dalam tempoh singkat.

Melihat kepada sambutan hangat yang diterima, tidak dapat dinafikan bahawa *food truck* mempunyai potensi besar untuk terus berkembang di NBD. Ia bukan sahaja membuka ruang baharu dalam dunia keusahawanan, tetapi turut merancakkan ekonomi tempatan melalui penglibatan belia, usahawan kecil serta penyedia makanan tempatan yang kreatif dan inovatif.

Secara keseluruhannya, kebangkitan semula trend *food truck* bukan sahaja membawa banyak manfaat kepada peniaga tempatan, malah memberikan pilihan makanan yang pelbagai dan menarik kepada pengunjung dalam suasana yang lebih santai dan terbuka. Justeru itu, marilah kita bersama-sama menyokong pengusaha tempatan dengan mengunjungi *food truck* serta menikmati hidangan yang enak sambil pada masa yang sama membantu menggerakkan ekonomi negara.



# Merafak sembah menjunjung kasih

**Oleh : Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei dengan kerjasama Syarikat Muara Maritime Services Sdn. Bhd., Jerudong Park Country Club Sdn. Bhd., Progresif Sdn. Bhd., Syarikat Penerbangan Diraja Brunei**
**Foto : Ihsan Syarikat Muara Maritime Services Sdn. Bhd., Jerudong Park Country Club Sdn. Bhd., Progresif Sdn. Bhd., Syarikat Penerbangan Diraja Brunei**

## PENGARAH Urusan Komersial Syarikat Muara Maritime Services Sdn. Bhd., Awang Mohamed Zainol Bahrin bin Haji Mohd. Ja'afar.

**HAMBA** Kebawah Duli Tuan Patik, mewakili Syarikat Muara Maritime Services Sendirian Berhad, ingin merafakkan sembah dan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan baginda yang Ke-79 Tahun.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik serta seluruh warga kerja Syarikat Muara Maritime Services Sdn. Bhd. amat bersyukur kerana dikurniakan seorang raja yang bijaksana dan memiliki sifat pemedulian yang tinggi. Sepanjang pemerintahan baginda yang telah melebihi 50 tahun, nyata terserlah rasa cinta dan kasih sayang baginda terhadap negara dan juga seluruh rakyat baginda. Keprihatinan dan kebijaksanaan baginda terbukti melalui pelbagai pencapaian negara dalam bidang pembangunan ekonomi, sosial dan kebudayaan, demi memelihara keharmonian serta kesejahteraan rakyat di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sehubungan itu, selaras dengan hasrat murni baginda dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035, seluruh warga Syarikat Muara Maritime Services Sdn. Bhd. turut komited untuk berganding bahu serta menyumbang tenaga dalam sektor maritim demi memperkukuhkan pembangunan ekonomi NBD. Usaha ini juga bertujuan untuk membantu meningkatkan taraf hidup rakyat baginda, khususnya melalui penyediaan peluang serta pengasahan bakat belia-belia NBD.

Sebagai penutup sembah, dengan penuh hormat dan takzim, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sentiasa dikurniakan kesihatan, kekuatan, keberkatan dan kekal karar memimpin negara ke arah kemajuan yang berterusan berserta kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan rakyat jelata. *Amin Ya Rabbal Alamin*.

## GENERAL Manager Jerudong Park Country Club Sdn. Bhd., Dayang Hajah Siti Norzalena binti Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman.



**ALHAMDULILLAH**, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita telah diberikan kesempatan untuk menyambut dan merayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 Tahun pada 15 Julai 2025.

Di kesempatan yang amat berharga ini, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik bagi mewakili seluruh peringkat warga Jerudong Park Country Club Sdn. Bhd. (JPCC), dengan penuh hormat dan takzim serta rendah hati, sukacita menyembahkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan Selamat Hari Keputeraan yang Ke-79 Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam menyemarakkan lagi sambutan sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Tuan Patik Ke-79 ini dan sebagai lambang kasih sayang dan setia kepada raja yang berdaulat, berwibawa dan berjiwa rakyat, pelbagai acara istimewa telah disusun dan dianjurkan di Jerudong Park termasuk JP July Fest dan Waterpark Weekend Pop-Up yang berlangsung sepanjang bulan Julai ini. Semoga acara-acara yang disediakan ini dapat turut sama memeriahkan lagi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan baginda.

Mengakhiri ucapan sembah kesyukuran dan taat setia ini, sekali lagi Hamba Kebawah Duli Tuan Patik bagi mewakili JPCC, dengan segala hormat dan takzim, sukacita merafak sembah ucapan Selamat Hari Keputeraan yang Ke-79 Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan iringan doa semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melindungi dan memberkati baginda, dilanjutkan usia, sihat walafiat, dilimpahi kesejahteraan dan keberkatan serta kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam. *Amin Ya Rabbal Alamin*.



## KETUA Pegawai Eksekutif Progresif Sdn. Bhd., Dayang Hajah Nurul Haniah binti Haji Jaafar.

**SEGALA** puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta ahli keluarga, para sahabat dan pengikut Baginda yang setia dan jujur hingga ke akhir zaman.

Dengan penuh hormat dan takzim Abis Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung ampun berdatang sembah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik mewakili Lembaga Pengarah-pengarah serta seluruh pegawai dan kakitangan Progresif Sdn. Bhd. dengan rasa penuh kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala menyembahkan ucapan setinggi-tinggi tahniah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Tuan Patik Ke-79 pada Selasa, 19 Muharam 1447 Hijrah bersamaan 15 Julai 2025 Masihi.

Semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dikurniakan umur yang panjang, kesihatan yang baik dan pemerintahan yang berpanjangan serta semoga kerajaan baginda sentiasa berada di bawah petunjuk, perlindungan dan keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin*.

Dalam kita menyambut dan memeriahkan Sambutan Hari Keputeraan baginda, marilah kita semua terus bersikap proaktif dan bertanggungjawab - bukan sahaja dalam kehidupan seharian tetapi juga di alam digital.

Dalam era perkembangan teknologi yang pesat ini, Progresif menyeru seluruh rakyat agar terus berwaspada dan peka terhadap ancaman siber dan penipuan digital. Tindakan bijak serta pematuhan terhadap panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa adalah amat penting demi keselamatan diri, keluarga dan masyarakat.

Sebagai syarikat telekomunikasi tempatan yang turut berperanan sebagai pemangkin kemajuan digital negara, Progresif komited dalam melindungi maklumat peribadi para pelanggan, serta menyokong usaha memperkukuhkan kesedaran dan amalan penggunaan teknologi secara bertanggungjawab.

Progresif menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Keputeraan baginda yang telah disampaikan baru-baru ini. Kami memperteguhkan komitmen kami dalam memelihara dan melindungi data peribadi sejajar dengan Perintah Perlindungan Data Peribadi. Kami mengambil serius akan tanggungjawab kami dalam melindungi bukan sahaja data dalaman syarikat dan data peribadi pelanggan yang kami hargai, malah juga data daripada sektor kerajaan, swasta serta rakan-rakan strategik kami.

Sebagai penyedia perkhidmatan telekomunikasi terkemuka, kami akan terus memainkan peranan utama dalam menjalin kerjasama dengan pihak kerajaan dan para pemegang kepentingan utama, bagi memastikan kesiapsiagaan kami dalam mengadaptasi penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) secara bertanggungjawab dalam operasi harian kami. Melalui usaha ini, kami berhasrat untuk memperkukuhkan ketahanan siber di semua peringkat perniagaan kami.

Kami menyedari bahawa ancaman siber adalah satu realiti yang boleh menjejaskan individu, agensi, dan juga infrastruktur negara. Justeru itu, Progresif komited untuk menjadi peneraju dan penyokong dalam membina ketahanan siber yang menyeluruh di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Keselamatan Siber dan AI perlu bergerak seiringan dalam usaha kita bersama untuk membina Brunei Digital yang selamat - sebuah masa depan di mana inovasi dan keselamatan wujud seiring demi melindungi rakyat, negara dan kemajuan kita.

Bersama-sama, marilah kita menjadi warga digital yang prihatin, dan memelihara keselamatan komuniti kita demi masa depan negara yang lebih pintar, selamat dan progresif.

Akhir kata, sekali lagi Abis Hamba merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan rasa hormat dengan menyampaikan ucapan selamat sempena Sambutan Hari Keputeraan baginda yang Ke-79 dan berdoa semoga Kebawah Duli Tuan Patik berada dalam kandungan sihat walafiat dan terus kekal karar memerintah di atas takhta singgahsana kerajaan dan memimpin NBD dengan penuh kedaulatan, kemakmuran, kesejahteraan serta mendapat limpah rahmat, taufik dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala, menjadi sebuah Negara Zikir yang berasaskan Melayu Islam Beraja yang aman makmur serta diredai Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin*.

## KETUA Pegawai Eksekutif Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Kapten Sabirin bin Haji Abdul Hamid.



**MENGADAP** Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan penuh hormat dan takzim, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik mewakili pihak pengurusan, pegawai serta seluruh warga kakitangan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei Sdn. Bhd. (Royal Brunei Airlines - RB) menjunjung kasih serta merafak sembah setinggi-tinggi tahniah dan rasa kesyukuran sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 pada tahun ini.

Alhamdulillah, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan izin-Nya kerana masih dikurniakan kesempatan untuk terus menyumbang bakti kepada tanah air tercinta Negara Brunei Darussalam (NBD) di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang bijaksana, berwibawa serta sentiasa prihatin terhadap kesejahteraan rakyat jelata tanpa berbelah bahagi.

Dengan rendah hati, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta seluruh kerabat diraja sentiasa dikurniakan kesihatan yang sempurna, umur yang berkat serta kekuatan untuk terus memimpin negara ke arah kemajuan, keamanan dan kesejahteraan yang berkekalan.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik juga memohon semoga segala usaha dan ikhtiar warga RB dalam mengharumkan nama NBD di persada antarabangsa sentiasa mendapat keredaan dan perkenan daripada Kebawah DYMM. Bersempena dengan pencapaian 50 Tahun Penubuhan RB, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan penuh takzim menjunjung harapan agar segala kejayaan yang telah dirintis sejak penubuhannya akan terus berkembang maju dan berterusan menyumbang kepada kegemilangan negara di bawah lindungan dan keberkatan Kebawah DYMM serta kerabat diraja. *Amin Ya Rabbal Alamin*.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

Pelita Brunei




# Meninjau sejarah, meneroka kemudahan media, interaksi masyarakat

Rencana dan Foto : Pg. Arsul Pg. Haji Abdul Momin, Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

SELAIN House of European History, terdapat satu lagi muzium yang mempamerkan mengenai Kesatuan Eropah atau European Union (UN) iaitu The Parlamentarium Museum namun muzium ini dikhususkan kepada sejarah-sejarah parlimen yang terdapat di EU. Apa yang menarik, lokasi muzium ini terletak strategik di kawasan European Parliament (EP) membuatkan orang ramai khususnya pengunjung-pengunjung sangat mudah untuk melawat ke muzium ini.

Terletak di kawasan Rue Wiertz, Brussels, muzium ini menawarkan pengalaman yang menarik dan mendidik tentang proses demokrasi EU. Selain itu, muzium ini juga menyediakan panduan multimedia yang boleh membawa pengunjung ke tengah-tengah EP, menerangkan bagaimana perjalanan ke arah kerjasama Eropah, bagaimana EP berfungsi dan apa yang dilakukan oleh ahli parlimennya untuk menangani cabaran masa kini.

Panduan multimedia tersebut boleh berinteraksi dalam mana-mana daripada 24 bahasa rasmi EU. The Parlamentarium Museum ini dibuka selama tujuh hari seminggu dan masuk adalah percuma malah ia juga boleh diakses sepenuhnya oleh pelawat Orang Kelainan Upaya (OKU).

Apa yang penting muzium ini menawarkan satu perspektif dalam meneroka sejarah dan integrasi Eropah serta EP melalui perjalanan interaktif dan multimedia malah para pengunjung akan dapat mengenali Member of The European Parliament (MEP), keutamaan parlimen, dan kesan undang-undang yang digubal terhadap rakyat Eropah di seluruh benua.

## Press Club

Dalam Program Brunei Darussalam Journalists' Visit to Brussels, para jurnalis juga berpeluang mengadakan lawatan ke Press Club of Brussels yang terletak di Rue Froissart di mana kelab ini merupakan sebuah badan untuk menyediakan tempat pertemuan sosial dan perniagaan bagi wartawan profesional, sama ada yang berpusat di Brussels atau yang sedang melawat.

Kedatangan para jurnalis ke kelab berkenaan dialu-alukan oleh Executive Director, Laurent Brihay. Tujuan kelab ini ditubuhkan adalah untuk menyediakan tempat pertemuan sosial dan perniagaan bagi wartawan profesional, sama ada yang berpangkalan di Brussels atau yang sedang berkunjung.

Press Club juga menjadi platform bagi sidang akhbar, perdebatan umum antara media, wakil-wakil The European Institutions, organisasi masyarakat sivil, ekonomi Belgium, serta kehidupan sains dan budaya.

Ahli-ahli akan menikmati pelbagai kemudahan yang tersedia di kelab tersebut begitu juga kawasan *lounge* yang terhad. Kelab ini menggalakkan interaksi dengan kedutaan yang diiktiraf dan wakil-wakil dari wilayah Eropah serta dengan Kelab Media yang wujud di seluruh dunia.

Premis Press Club Brussels Europe bukan sahaja tersedia untuk acara profesional, sosial dan budaya tetapi juga sebagai pusat persidangan untuk pihak ketiga. Kelab ini menawarkan infrastruktur canggih dan kemudahan teknikal terkini untuk persidangan dan acara perniagaan. Kelab ini dilengkapi dengan studio, peralatan penstriman langsung dan bilik *podcast*.

Ahli-ahli kelab boleh menyewa premis ini untuk acara peribadi seperti persidangan, sesi perbincangan panel, majlis hari jadi, majlis perpisahan atau sambutan kedatangan. Untuk pelawat dan tetamu kelab, maklumat pelancongan dan budaya akan disediakan di kaunter sambutan Visit Brussels, pejabat pelancongan rasmi bagi Wilayah Ibu Kota Brussels.

Semasa kunjungan ke kelab ini, para jurnalis berpeluang berinteraksi bersama dengan Executive Director kelab berkenaan, Laurent Brihay dan juga bersama seorang jurnalis dari Belgium yang setentunya memberikan idea bagaimana proses pembuatan berita atau laporan di negara tersebut.

## Aktiviti kemasyarakatan

Para jurnalis sangat berbesar hati untuk mengikuti aktiviti kemasyarakatan yang diadakan di La MarMeet iaitu salah sebuah badan bukan berasaskan keuntungan (NGOs).

La MarMeet ialah sebuah restoran berasaskan penyertaan dan solidariti yang terletak di Schaerbeek, Brussels. Para sukarelawan berkumpul di sebuah ruang komuniti berhampiran Église royale Sainte-Marie untuk memasak dan berkongsi hidangan bersama.

Menu disediakan secara kolaboratif menggunakan lebihan makanan daripada pasar dan kedai tempatan, dengan matlamat mengurangkan pembaziran makanan serta mempromosikan pemakanan yang lestari, vegetarian dan bermusim. Hidangan disajikan secara bufet, dan para peserta menyumbang mengikut kemampuan mereka, memastikan akses untuk semua.

La MarMeet, yang ditubuhkan pada November 2023, beroperasi sebagai sebuah badan bukan berasaskan keuntungan dan terletak di Avenue Eugène Plasky, Schaerbeek. Inisiatif ini memupuk penglibatan komuniti dengan menghimpunkan individu daripada pelbagai latar belakang untuk berhubung, memasak dan berbual sambil menikmati hidangan bersama.

Sebagai tambahan kepada sesi mingguan setiap Selasa, La MarMeet juga menganjurkan acara khas dan bengkel, selalunya dengan kerjasama Les Halles de Schaerbeek. Acara ini terbuka kepada semua, termasuk keluarga dengan anak-anak.

Para jurnalis mengambil peluang ini dengan berkumpul bersama salah seorang sukarelawan La MarMeet, Emilie Muller dan berinteraksi serta mengetahui secara ringkas akan peranan dan kenapa La MarMeet ditubuhkan. Seterusnya, para jurnalis menggunakan, memakai apron dan memasak bersama sukarelawan-sukarelawan yang lain untuk hidangan makan malam di mana kebanyakannya adalah berkonsepkan vegetarian.



BERITA GLOBAL

# GERGASI PERALATAN RUMAH CHINA MEMPERLUAS PELABURAN DI AFRIKA

GUANGZHOU, 18 Julai. - Pengeluar perkakas rumah terkemuka China Midea Group telah menjadi penaja rasmi Piala Negara-Negara Afrika 2025, yang dijadualkan berlangsung di Maghribi.

Kumpulan Midea dan Konfederasi Bola Sepak Afrika (CAF) turut menandatangani perjanjian kerjasama penajaan pada hari Rabu di ibu pejabat Kumpulan Midea di Foshan, wilayah Guangdong, selatan China. Langkah ini menandakan bahawa Midea bersedia untuk membuat pelaburan yang besar dalam pasaran Afrika.

Syarikat itu berkata bahawa pasaran Afrika mempunyai potensi penggunaan yang kukuh. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Midea telah meningkatkan pelaburannya di Afrika. Kilang mesin basuh dan peti sejuknya yang baru dibina di Mesir dijangka memulakan pengeluaran pada Ogos dan November tahun ini.

Midea telah menubuhkan kilang di Mesir dan merancang untuk mengembangkan pelaburannya di sana. Mesir, sebagai hab strategik antara Afrika dan Timur Tengah, menawarkan potensi pasaran dan sokongan dasar, memudahkan pembangunan Midea di rantau itu, menurut kumpulan itu.

Orang dalam industri percaya bahawa kadar penembusan semasa peralatan rumah tangga utama di pasaran Afrika adalah agak rendah, menunjukkan potensi yang besar. Baru-baru ini, eksport perkakas rumah China ke pasaran Afrika Barat telah berkembang pesat.

Pada masa ini, syarikat seperti Midea, Haier dan Vanward telah melabur dalam membina kilang di Mesir, manakala Hisense dan Skyworth telah menubuhkan kilang di Afrika Selatan. Adalah dijangkakan bahawa syarikat perkakas rumah China akan membuat lebih banyak pelaburan di Afrika dalam masa terdekat. - ©XINHUA




**KAWASAN pameran Kumpulan Midea dari China semasa edisi ke-137 Pameran Import dan Eksport China di Guangzhou, Wilayah Guangdong, selatan China.**

## Sekurang-kurangnya 50 maut dalam kebakaran besar di pusat beli-belah di Iraq

**BAGHDAD,** 17 Julai. - Sekurang- kurangnya 50 orang maut dalam kebakaran besar di sebuah pasar rayadi bandar al-Kut, Iraq, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Seorang gabenor wilayah berkata pada Khamis bahawa kebakaran itu memusnahkan pusat beli-belah bertingkat di wilayah Wasit, kira-kira 170 kilometer ke tenggara Baghdad, ketika orang ramai sedang membeli-belah, menurut saksi yang melihat mereka terperangkap dalam bangunan yang dipenuhi api dan asap tebal.

Beberapa media tempatan Iraq pula melaporkan seramai 77 orang maut dan puluhan lagi cedera, sementara pasukan bomba masih berusaha memadamkan kebakaran dan mengeluarkan mayat mangsa dari bawah runtuhan.

Punca kebakaran masih belum diketahui setakat ini.

Antara mangsa yang terkorban termasuk wanita dan kanak-kanak, kata Gabenor Wasit, Mohammed Jamil al-Miyahi, menurut Agensi Berita Negara Iraq (INA).

"Kami tidak akan berkompromi terhadap sesiapa yang secara langsung atau tidak langsung menyebabkan insiden ini," katanya sambil mengisytiharkan tiga hari berkabung di wilayah berkenaan.

Beliau menambah bahawa hasil siasatan awal mengenai insiden itu akan diumumkan dalam tempoh 48 jam.

Penduduk tempatan memaklumkan kebakaran merebak dengan cepat berikutan kegagalan pematuhan piawaian keselamatan di premis berkenaan. - ©BERNAMA

## Gunung berapi Iceland meletus kali ke-12 dalam tempoh 4 tahun

**COPENHAGEN**, 16 Julai. - Semenanjung Reykjanes di Iceland mengalami letusan gunung berapi ke-12 dalam tempoh lebih empat tahun pada Rabu, apabila lahar memancut keluar dari rekahan selepas beberapa siri gempa bumi berlaku beberapa jam sebelumnya, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Pejabat Meteorologi Iceland mengesahkan letusan itu sejurus sebelum 0400 GMT, dan memaklumkan bahawa satu rekahan sepanjang 700 hingga 1,000 meter telah terbuka di kawasan semenanjung yang kurang berpenduduk di barat daya Reykjavik.

Rakaman langsung penyiar awam RUV menunjukkan lahar merah terang memancut keluar dari rekahan di permukaan bumi.

Pakar menyifatkan lokasi letusan itu sebagai tidak berisiko tinggi kerana tiada ancaman segera terhadap penduduk atau infrastruktur di bandar nelayan Grindavik yang berhampiran. Namun, pihak berkuasa tetap mengambil langkah berjaga-jaga dengan memindahkan sebuah tapak perkhemahan dan menutup spa geoterma popular Blue Lagoon, menurut laporan RUV.

Tiada gangguan dijangka terhadap trafik udara antarabangsa dari Lapangan Terbang Keflavik, hab utama penerbangan Iceland.

Letusan ini merupakan yang kesembilan sejak akhir 2023 dan yang ke-12 sejak awal 2021. Letusan sebelum ini berlaku pada April dan hanya bertahan selama beberapa hari. Pakar tidak menjangkakan kejadian baharu secepat ini dan meramalkan ia akan berlaku lewat tahun ini. - ©BERNAMA

## Australia bangunkan ujian darah AI kesan awal kanser payudara

**SYDNEY**, 16 Julai. - Para saintis telah membangunkan ujian darah berasaskan lipid berkuasa Kecerdasan Buatan (AI) yang pertama di Australia, membolehkan pengesanan kanser payudara yang lebih awal dan kurang invasif, lapor Xinhua.

Menurut kenyataan Universiti New South Wales (UNSW) yang disiarkan oleh Medianet pada Rabu, ujian itu kini telah digunakan secara klinikal di beberapa klinik pakar di Sydney dan Melbourne selepas beralih daripada fasa penyelidikan pada Mac 2025.

Berbeza dengan teknik pengimejan dan biopsi tradisional yang boleh terlepas mengesan ketumbuhan serta membawa risiko tertentu, ujian darah berkuasa AI ini mengesan isyarat molekul halus dalam darah yang membolehkan diagnosis kanser dibuat beberapa bulan atau bahkan tahun sebelum gejala muncul, kata Profesor Madya Fatemeh Vafaee dari UNSW.

AI memacu kejayaan dengan menganalisis berjuta-juta penanda molekul untuk mengesan tanda-tanda kanser awal, menurut Vafaee dan Makmal AI Bioperubatannya di UNSW.

"Dengan mengintegrasikan teknik AI yang boleh dijelaskan, kami memastikan model ini bukan sahaja memberikan keputusan yang tepat, malah memberikan pandangan yang boleh ditafsir secara klinikal - penting untuk membina kepercayaan dan menyokong proses membuat keputusan dalam penjagaan kesihatan dunia sebenar," katanya.

Makmal itu sedang menyumbang kepada usaha global untuk menjadikan ujian darah berasaskan AI sebagai sebahagian daripada saringan kanser payudara standard, menawarkan pilihan baharu yang berguna terutama bagi wanita yang mempunyai tisu payudara padat dan kurang sesuai untuk pengimejan tradisional, menurut pasukan UNSW bersama syarikat bioteknologi Australia, BCAL Diagnostics.

Pasukan itu kini sedang membangunkan ujian pelbagai analit yang menggabungkan pelbagai penanda bio bagi mengesan kanser dengan lebih tepat merentasi pelbagai jenis termasuk paru-paru, hati dan otak. Mereka juga sedang meneroka ujian menggunakan bendalir bio lain seperti air kencing dan air liur, sambil berusaha mengintegrasikan pelbagai data untuk memberikan gambaran kesihatan pesakit yang lebih menyeluruh, kata Vafaee. - ©BERNAMA

## Trump umum capai perjanjian perdagangan hebat dengan Indonesia

**WASHINGTON**, 16 Julai. - Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump mengumumkan pada Selasa yang beliau mencapai perjanjian perdagangan yang disifatkan sebagai hebat dengan Indonesia selepas rundingan langsung bersama Presiden Prabowo Subianto, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Perjanjian hebat, untuk semua pihak, baru sahaja dimeterai dengan Indonesia. Saya berurusan secara langsung dengan presiden mereka yang sangat dihormati," kata Trump di media sosial.

Butiran lanjut mengenai perjanjian yang dimaksudkan itu masih belum didedahkan, namun pengumuman ini dibuat dua minggu sebelum tarikh akhir 1 Ogos yang ditetapkan oleh Trump bagi negara untuk mencapai perjanjian perdagangan baharu dengan Washington atau berdepan tarif yang lebih tinggi.

Tarikh akhir asal sepatutnya pada 9 Julai, tetapi ditangguhkan oleh Rumah Putih bagi memberi lebih masa kepada rundingan.

Penasihat Perdagangan Trump, Peter Navarro pada April berkata selepas Trump mengumumkan langkah tarif baharu, pentadbiran AS berhasrat untuk memuktamadkan 90 perjanjian dalam 90 hari, namun sasaran itu terbukti sukar dicapai. Setakat ini, hanya dua negara - United Kingdom dan Vietnam yang memeterai perjanjian perdagangan interim dengan Trump.

Bagaimanapun, banyak butiran dalam perjanjian itu masih belum dirundingkan sepenuhnya. - ©BERNAMA

## Zon keselamatan dibuat di sepanjang kabel dasar laut SwePol - Laporan

**MOSCOW**, 16 Julai. - Zon keselamatan diwujudkan di Laut Baltik di sepanjang talian kuasa yang menghubungkan Poland dan Sweden, menurut laporan media Poland, lapor Sputnik/RIA Novosti.

Stesen radio RMF FM melaporkan pada Selasa bahawa lebar zon keselamatan itu ialah 250 meter di kedua-dua belah paksi kabel dasar laut SwePol yang terletak di dasar Laut Baltik.

Aktiviti menangkap ikan, sukan air, selaman, membuang sauh atau kerja bawah laut adalah dilarang di dalam zon keselamatan ini, kecuali jika ia diarahkan oleh pihak berkuasa grid elektrik Poland.

SwePol Link ialah kabel dasar laut voltan tinggi yang menghubungkan Sweden dan Poland. Kabel itu sepanjang 254.05 kilometer dan mampu menyalurkan sehingga 600 megawatt kuasa pada voltan 450 kilovolt. - ©BERNAMA

فليتا بروني PELITA BRUNEI

PELITA BRUNEI SUKAN

ePaper Pelita Brunei

# KONTINJEN SEKOLAH SUKAN NBD SERTAI KEJOHANAN SUKAN DI THAILAND




**PEMANGKU Penolong Pengarah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Pengiran Ali Shafie bin Pengiran Haji Abas hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada para kontinjen (kiri dan kanan).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Sukan, Kementerian Pendidikan**

**BERAKAS**, Rabu, 16 Julai. - Kementerian Pendidikan melalui Sekolah Sukan telah menyelaras penyertaan kontinjen Sekolah Sukan, Negara Brunei Darussalam seramai 12 orang ke kejohanan Thailand Sports School Games Ke-26 'Ubon Ratchathani Games 2025', yang bermula pada 16 hingga 26 Julai di Ubon Ratchathani Province, Thailand.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi mengucapkan selamat belayar kepada para kontinjen ialah Pemangku Penolong Pengarah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Pengiran Ali Shafie bin Pengiran Haji Abas.

Kontinjen negara termasuk sembilan orang atlet mewakili dua acara sukan utama, iaitu Pencak Silat dan Olahraga.

Empat orang atlet Pencak Silat di bawah bimbingan Jurulatih, Muhd. Azizan bin Haji Marsad ialah Awang Muhd. Firas Naim bin Muhd. Syamsuddin, Awang Muhd. Ra'id Naim bin Muhd. Syamsuddin, Awang Muhammad Asyraf Syafiee bin Norazrin, serta Dayang Nursyakirah Mawaddah binti Mohd. Fauzi.

Manakala lima orang atlet Olahraga yang dibimbing oleh Jurulatih, Nahdhatul Simaa binti Haji Sabtu ialah Awang Muhd. Asyraaf Hidayatullah bin Zulhazmi, Awang Asryan bin Asran, Awang Muhammad Dubeis Waqiuddin bin Mardeny, Dayang Nurazizatul Shareena binti Ashari dan Dayang Qurratul Ain binti Irwan.

Kontinjen ini diketuai oleh Chef de Mission, Pegawai Pendidikan di Sekolah Sukan, Awang Muhammad Hadi Dinie bin Haji Abd. Rahman.

Penyertaan kontinjen ke kejohanan ini bertujuan untuk memberi pendedahan di peringkat antarabangsa dan pengalaman kepada para atlet serta mengukur prestasi mereka sebagai persediaan awal menghadapi Kejohanan ASEAN School Games yang akan berlangsung di Brunei Darussalam pada November 2025.

Penyertaan terakhir Sekolah Sukan dalam kejohanan ini adalah pada tahun 2023.

Juga hadir di LTAB ialah Pengetua Sekolah Sukan, pegawai-pegawai kanan Sekolah Sukan, pegawai-pegawai dari Jabatan Sekolah-Sekolah serta ibu bapa dan ahli keluarga pelajar.

# DPMM FC benam Phosphor FC 3 - 0

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**JERUDONG**, Jumaat, 18 Julai. - Kemenangan berkesudahan 3 - 0 memberikan kelebihan pungutan tiga mata penuh buat DPMM FC setelah beraksi menumpaskan Phosphor FC, hari ini.

Perlawanan minggu ketiga Liga Belia Brunei 2025 / 2026 bawah 15 Tahun (U15) berlangsung di Stadium Mini Jerudong Park tersebut menyaksikan DPMM FC membuka jaringan gol menerusi Arif Syahmi pada minit ke-16 dan jaringan 1 - 0 kekal sehingga tamat babak pertama.

Kemudian kubu pertahanan Phosphor FC yang agak goyah sedikit seakan memberikan ruang kepada DPMM FC untuk memanfaatkan peluang sehingga membolos gawang pihak lawan dan menambah satu gol mereka menerusi Ikhwan Harith.

Separuh masa kedua itu juga sekali gus DPMM FC terus mengasak pemain Phosphor FC sehingga Arif Syahmi sekali lagi menghadiahkan satu lagi gol. Keputusan perlawanan menyaksikan kemenangan milik DPMM FC semasa menentang Pasukan Phosphor FC dengan berkesudahan 3 - 0.

Kutipan tiga penuh ini setentunya menempatkan kedudukan DPMM FC di dua tangga teratas liga setakat ini.



**KEMENANGAN milik DPMM FC pada perlawanan ini menempatkan kedudukan DPMM FC di dua tangga teratas liga setakat ini.**

## Tahukah Awda

**INSTITUT** Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) mula ditubuhkan pada 8 Rejab 1431 Hijrah bersamaan 1 Januari 1993 Masihi atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Hari Keputeraan baginda yang Ke-46 pada 15 Julai 1992. Antara objektif Institut Tahfiz tersebut ialah untuk menunaikan dan melaksanakan salah satu tuntutan Fardu Kifayah, untuk menambah/melahirkan para Hafiz Al-Quran dan untuk memelihara/menjaga kesucian dan keaslian Al-Quran daripada sebarang perubahan, pindaan dan pengurangan.

**SUMBER :** *itqshhb.edu.bn.*